UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PELAN ANTIRASUAH

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

2026-2030



INTEGRITI TERTINGGI MEMBINA INSAN TERPUJI

PELAN ANTIRASUAH

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

2026-2030

Hak Cipta Terpelihara, UMK 2026.

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian daripada dokumen ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh dicapai semula, atau dipindahkan ke dalam sebarang bentuk melalui apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, mekanikal, penduaan, rakaman, atau cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis daripada Universiti Malaysia Kelantan.

Judul : Pelan Antirasuah Universiti Malaysia Kelantan 2026 - 2030
No. eISBN: 978-629-7867-10-6

Diterbitkan oleh:

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Pengurusan Galeri, Laman Web dan Penerbitan
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim

No. Tel.: +609-7797015
E-mel: bpk.pkk@umk.edu.my
Website: http://corporate.umk.edu.my/

Disediakan oleh:

Unit Integriti
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok,
Kelantan Darul Naim

No.Tel.: +609-779 7749
E-mel: integriti@umk.edu.my

ISI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN		HALAMAN
Amanat Kepimpinan Pengerusi Lembaga Pengarah UMK		vi
Perutusan Naib Canselor UMK		viii
Pernyataan Komitmen Pengurusan Tertinggi UMK		xi
Carta Organisasi UMK		xii
Ringkasan Eksekutif		xiv
BAB 1	PENGENALAN	1
	Penerangan Mengenai OACP	1
	Objektif Pembangunan OACP UMK	2
BAB 2	PROFIL DAN KONTEKS ORGANISASI UMK	3
	Latar Belakang	3
	Visi dan Misi	4
	7 Teras Strategik Utama UMK30	5
	Logo dan Falsafah	6
	Strategi Teras Pembangunan UMK	7
	Nilai Teras Organisasi	8
	Piagam Pelanggan	9
BAB 3	KERANGKA TADBIR URUS DAN INTEGRITI UMK	11
	Peringkat dan Peranan	11
	Dasar dan Perundangan	12

BAB 4	ASAS DAN PENDEKATAN PEMBANGUNAN OACP UMK 2026-2030	13
	Isu dan Cabaran Tadbir Urus, Integriti dan Rasuah	13
	Penjajaran OACP UMK 2026–2030 dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028	14
	Pembangunan OACP UMK 2026-2030	16
	Pendekatan 7 Langkah Pelaksanaan OACP	16
	Jawatankuasa Pembangunan OACP UMK	18
	Kaedah dan Sumber Analisis Data	19
	Status Penarafan Semula Risiko Tahun 2023 UMK	19
	Statistik SPRM	20
	Statistik UMK	24
BAB 5	ANALISIS DAN RISIKO RASUAH	29
	Pengenalan	29
	Profil Risiko Rasuah UMK	30
	Daftar Risiko Rasuah UMK	31
	Pengenalpastian 10 Risiko Rasuah Tertinggi UMK	34
	Matriks Risiko Rasuah UMK	36
	Perincian Risiko Tertinggi UMK	37
BAB 6	PENILAIAN OACP UMK 2022–2026	39
	Kemajuan OACP UMK 2022-2026	39
BAB 7	HALA TUJU STRATEGIK OACP UMK 2026–2030	47
	Kerangka OACP UMK 2026-2030	47

BAB 8	INISIATIF ATAU PELAN TINDAKAN OACP UMK 2026–2030	49
	Ringkasan Keseluruhan Inisiatif/Pelan Tindakan OACP UMK 2026-2030	49
	Penjajaran Inisiatif atau Pelan Tindakan, Bidang Keutamaan, Impak dan Tahap Kerumitan	50
	Analisis Kuadran	57
	Bidang Keutamaan 1 – Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	58
	Bidang Keutamaan 2 – Pengurusan Kewangan dan Pembangunan	60
	Bidang Keutamaan 3 – Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan	63
	Bidang Keutamaan 4 – Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	64
	Agihan Inisiatif Mengikut Bidang Keutamaan OACP UMK 2026–2030	68
BAB 9	JANGKA MASA DAN KEUTAMAAN PELAKSANAAN	69
	Tempoh Pelaksanaan Inisiatif/Pelan Tindakan	69
BAB 10	INDIKATOR KEBERKESANAN DAN SASARAN	71
	Indikator Keberkesanan Pelaksanaan OACP UMK	71
	Petunjuk dan Sasaran Indikator	71
	Penilaian Impak dan Kerumitan Pelaksanaan	72
BAB 11	MEKANISME PEMANTAUAN DAN PELAPORAN	75
	Struktur Pemantauan OACP UMK	75
	Pelaksanaan dan Pemantauan OACP UMK	76
	Format Pelaporan OACP UMK 2026 - 2030	77
BAB 12	PENUTUP	79
	Penghargaan	81
	Senarai Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Universiti Malaysia Kelantan	81
	Senarai nama singkatan	83
	Senarai jadual, carta dan gambar rajah	84

AMANAT KEPIMPINAN
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UMK



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dibina atas asas kepercayaan masyarakat, kerajaan dan seluruh warganya terhadap tadbir urus yang adil, telus serta berintegriti. Kepercayaan ini merupakan aset yang amat bernilai dan perlu dipelihara bersama.

> "**Integriti** hendaklah menjadi budaya kerja yang membimbing setiap keputusan dan tindakan, bukan sekadar tindak balas apabila berlaku pelanggaran."

DATO' DR. HASSAN BASRI BIN AWANG MAT DAHAN
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
Universiti Malaysia Kelantan

Dalam persekitaran yang semakin mencabar, risiko rasuah, konflik kepentingan, salah guna kuasa dan kelemahan governan perlu ditangani secara sistematik. Oleh itu, integriti hendaklah menjadi budaya kerja yang membimbing setiap keputusan dan tindakan, bukan sekadar tindak balas apabila berlaku pelanggaran.

Pembangunan Pelan Antirasuah Universiti Malaysia Kelantan (OACP UMK) 2026–2030 ini sudah pasti menjadi manifestasi nyata komitmen strategik universiti untuk memperkukuh tadbir urus, memperkasa integriti dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Pelan ini meneruskan kesinambungan OACP UMK 2022–2026 dengan pendekatan yang lebih proaktif melalui pengurusan risiko rasuah, pemantauan berterusan dan pembudayaan integriti. Selain itu, dokumen ini turut memuatkan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) UMK yang mengenal pasti sebanyak 55 potensi risiko rasuah dengan 24 risiko telah didokumentasikan dalam Daftar Risiko Rasuah UMK sebagai asas pelaksanaan strategi dan langkah mitigasi yang lebih berkesan.

Ingin saya tegaskan bahawa usaha memerangi rasuah bukan hanya tanggungjawab pengurusan atau Unit Integriti. Tetapi, ia merupakan amanah bersama seluruh warga UMK. Setiap individu berperanan mempertahan integriti dan memastikan universiti terus diyakini oleh semua pihak.

Saya percaya pelaksanaan Pelan OACP UMK 2026–2030 akan menjadi pemangkin kepada pengukuhan tadbir urus, pembudayaan integriti dan peningkatan akauntabiliti, sekali gus memperkukuh keyakinan pemegang taruh terhadap kredibiliti serta kecemerlangan UMK.

Justeru, saya menyeru seluruh warga UMK agar menghayati serta melaksanakan aspirasi pelan ini dengan menjadikan integriti sebagai budaya kerja, akauntabiliti sebagai prinsip kepimpinan dan ketelusan sebagai asas setiap keputusan. Dengan iltizam dan komitmen bersama, Insya-Allah UMK akan terus unggul sebagai institusi pendidikan tinggi yang cemerlang, berintegriti dan dihormati.

Sekian.

PERUTUSAN
NAIB CANSELOR UMK



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT, UMK berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Universiti Malaysia Kelantan (OACP UMK) 2026–2030 sebagai manifestasi komitmen universiti untuk memperkukuh tadbir urus, membudayakan integriti serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan yang telus, cekap dan berakauntabiliti. Saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam merealisiasikan pembangunan OACP UMK 2026-2030.

> “**UMK** akan terus unggul sebagai universiti yang cemerlang, berintegriti dan dipercayai.”

DATO’ PROF. IR. TS. DR. ARHAM BIN ABDULLAH
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan

Pengurusan tertinggi UMK komited untuk memastikan setiap dasar, keputusan dan tindakan pentadbiran universiti dilaksanakan berlandaskan prinsip integriti, akauntabiliti, ketelusan serta pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Komitmen ini merupakan tanggungjawab kepimpinan universiti dalam memelihara kepercayaan kerajaan, masyarakat dan seluruh pemegang taruh terhadap UMK sebagai sebuah institusi yang berintegriti, beramanah dan diyakini.

OACP UMK 2026–2030 mencerminkan iltizam universiti memperkukuh daya tahan organisasi terhadap risiko rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan konflik kepentingan. Berteraskan pendekatan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) yang sistematik, pelan ini meneruskan kesinambungan OACP UMK 2022–2026 bagi memastikan tadbir urus universiti sentiasa relevan, responsif dan berkesan.

Harapan saya agar kejayaan pelaksanaan pelan ini dapat direalisasikan melalui komitmen dan kerjasama berterusan daripada semua pihak, khususnya pihak yang telah diberikan tanggungjawab secara khusus. Setiap inisiatif yang digariskan dalam OACP UMK 2026–2030 hendaklah dilaksanakan dengan penuh amanah, tanggungjawab dan kesungguhan bagi memastikan agenda pencegahan rasuah serta pengukuhan integriti dalam organisasi dapat dicapai secara berkesan.

Saya menyeru seluruh warga UMK agar bersama-sama merealisasikan aspirasi OACP UMK 2026–2030 dengan menjadikan integriti sebagai budaya kerja, akauntabiliti sebagai amalan kepimpinan dan ketelusan sebagai prinsip dalam setiap urusan. Saya yakin, dengan komitmen dan kerjasama semua pihak, UMK akan terus unggul sebagai universiti yang cemerlang, berintegriti dan dipercayai.

Sekian.



PERNYATAAN KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI UMK

Pengurusan tertinggi UMK komited memperkukuh budaya integriti, tadbir urus baik dan pembanterasan rasuah melalui pelaksanaan OACP UMK 2026–2030. Komitmen ini diterjemahkan menerusi pematuhan undang-undang, ketelusan, akauntabiliti serta pengurusan risiko rasuah yang berkesan. Seluruh warga universiti diseru berganding bahu melaksanakan setiap inisiatif secara berintegriti demi memastikan kecemerlangan organisasi, meningkatkan kepercayaan pemegang taruh dan memelihara reputasi universiti secara berterusan.

Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Bendahari

Menjalankan Fungsi Penasihat Undang-Undang

Menjalankan Fungsi Ketua Pustakawan

Dekan-Dekan

Pengarah Kanan dan Pengarah-Pengarah


Ketua Audit Dalam

Ketua Unit Integriti

Ketua-Ketua Pusat Tanggungjawab

Universiti Malaysia KELANTAN

CARTA ORGANISASI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN





KEMASKINI: **12 FEB 2025**

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) 2026–2030 merupakan dokumen strategik yang menjadi komitmen universiti dalam memperkukuh tadbir urus, membudayakan integriti serta memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang telus, cekap dan bebas daripada rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta konflik kepentingan. Pelan ini dibangunkan sebagai kesinambungan kepada OACP UMK 2022–2026 dengan mengambil kira pencapaian pelan terdahulu, cabaran semasa organisasi serta landskap risiko rasuah yang sentiasa berubah.

Unit Integriti UMK dengan kerjasama Encik Mohd Rezaidi bin Mohd Ishak, Mantan Pegawai Kanan Institut Integriti Malaysia (IIM) seorang pakar berpengalaman dalam bidang Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ISO 37001), dan Tadbir Urus Korporat serta pakar teknikal dalam pembangunan Piawaian Malaysia MS 2764:2022 telah mengadakan Bengkel Pembangunan Pengurusan Risiko Rasuah dan Pelan Antirasuah UMK pada 21 hingga 23 Jun 2026 dengan penyertaan daripada 30 orang wakil daripada 6 Pusat Tanggungjawab (PTj).

Pembangunan OACP UMK 2026–2030 dilaksanakan melalui pendekatan yang sistematik berasaskan metodologi pembangunan OACP dan CRM organisasi. Proses ini merangkumi penyediaan profil organisasi, analisis data, penilaian risiko rasuah, penentuan bidang keutamaan, pembangunan rangka kerja pelan, pelaksanaan pemantauan dan penilaian serta pengukuran impak bagi memastikan setiap inisiatif yang dirancang benar-benar berasaskan risiko dan mampu memberi nilai tambah kepada organisasi. Analisis turut mengambil kira pelbagai sumber maklumat termasuk laporan audit, dapatan Corruption Risk Management (CRM), penilaian Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta sumber-sumber berkaitan yang relevan.

Hasil penilaian risiko telah mengenal pasti 10 risiko rasuah utama yang memerlukan perhatian dan tindakan sewajarnya, melibatkan aspek perolehan dan tender, tuntutan palsu, pengurusan dana, salah guna kuasa, pengurusan kompaun, pemberian bantuan, pembangunan projek, pengambilan staf, pengurusan kewangan serta pengaruh pihak ketiga. Risiko-risiko tersebut melibatkan 6 PTj utama dan menjadi asas kepada penentuan strategi serta inisiatif pencegahan rasuah sepanjang tempoh pelaksanaan pelan.

Berdasarkan dapatan tersebut, UMK telah merangka sebanyak 25 inisiatif strategik yang disusun mengikut 4 bidang keutamaan, iaitu Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan, Pengurusan Kewangan dan Pembangunan, Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan serta Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar. Kesemua inisiatif ini dirancang secara berfasa sepanjang tempoh 2026 hingga 2030 dengan mengambil kira impak, tahap kerumitan pelaksanaan, keupayaan organisasi serta keperluan penambahbaikan berterusan.

Pelaksanaan OACP UMK 2026–2030 akan dipantau melalui mekanisme pelaporan dan pemantauan yang sistematik di bawah penyelarasan Unit Integriti, dengan pelaporan berkala kepada Jawatankuasa Tatakelola Universiti (JTKU), Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) serta agensi berkaitan bagi memastikan setiap inisiatif dilaksanakan mengikut sasaran yang ditetapkan. Di samping itu, indikator keberhasilan telah dibangunkan sebagai ukuran prestasi bagi menilai keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan impaknya terhadap peningkatan integriti, tadbir urus serta penyampaian perkhidmatan universiti.

Secara keseluruhannya, OACP UMK 2026–2030 bukan sekadar dokumen pematuhan terhadap dasar antirasuah negara, malah menjadi instrumen strategik universiti dalam membentuk budaya kerja berintegriti, meningkatkan akauntabiliti, memperkukuh sistem kawalan dalaman serta memupuk keyakinan warga universiti dan pihak berkepentingan terhadap tadbir urus UMK. Pelaksanaan pelan ini memerlukan komitmen berterusan daripada pengurusan tertinggi, seluruh warga universiti dan semua pemegang taruh bagi memastikan agenda pencegahan rasuah dilaksanakan secara berkesan demi mencapai kecemerlangan organisasi yang mampan.





BAB 1
PENGENALAN

UMK komited memperkukuh tadbir urus, membudayakan integriti dan meningkatkan akauntabiliti melalui OACP UMK 2026–2030 yang merupakan kesinambungan kepada OACP UMK 2022-2026. Pembangunan OACP UMK adalah selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019. Skop pelaksanaan OACP UMK 2026-2030 adalah melibatkan proses utama bagi 6 PTj terpilih.

Pelan ini merupakan dokumen strategik yang menggariskan hala tuju, strategi dan inisiatif pencegahan rasuah bagi mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan yang telus, berintegriti dan berakauntabiliti. OACP UMK 2026–2030 dibangunkan untuk tempoh 5 tahun selaras dengan Pelan Strategik UMK (UMK30) melalui pendekatan berasaskan pengurusan risiko rasuah yang sistematik, melibatkan analisis data, penilaian risiko serta penglibatan pengurusan universiti dan PTj. Pendekatan ini memastikan setiap strategi dan inisiatif yang dirangka bersifat berfokus, praktikal dan berimpak tinggi dalam menangani risiko rasuah serta memperkukuh tadbir urus organisasi.

Pelan ini mencerminkan iltizam berterusan UMK untuk memastikan urusan pentadbiran, kewangan, perolehan, pembangunan, penyelidikan, akademik dan hal ehwal pelajar dilaksanakan berlandaskan prinsip integriti, ketelusan dan akauntabiliti. Pelaksanaannya diharap dapat meningkatkan keyakinan warga universiti dan pemegang taruh serta menyokong kecemerlangan organisasi yang mampan.

PENERANGAN MENGENAI OACP

OACP UMK 2026–2030 merupakan panduan kepada universiti dalam memperkukuh tadbir urus, membudayakan integriti dan mencegah risiko rasuah. Pelan ini menggariskan strategi, inisiatif serta mekanisme pelaksanaan yang berfokus bagi menangani isu rasuah, salah guna kuasa dan konflik kepentingan berdasarkan risiko yang dikenal pasti. Melalui pelaksanaan OACP, UMK berhasrat memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih telus, berintegriti dan berakauntabiliti serta meningkatkan keyakinan warga universiti dan pemegang taruh terhadap tadbir urus universiti.

OBJEKTIF PEMBANGUNAN OACP UMK

Pembangunan OACP UMK dirangka berasaskan objektif-objektif berikut:

1. **Mewujudkan kerangka tindakan pencegahan rasuah yang sistematik dan berkesan** melalui pengenalpastian, penilaian serta pengurusan risiko rasuah secara terancang bagi memperkukuh kawalan dalaman universiti.

2. **Membudayakan persekitaran kerja yang beretika, telus dan bertanggungjawab** melalui penerapan nilai integriti dalam penyampaian perkhidmatan, pengurusan sumber serta pelaksanaan fungsi universiti.

3. **Memperkukuh komitmen pengurusan tertinggi dan pemegang taruh terhadap agenda integriti, antirasuah dan tadbir urus yang baik** melalui pelaksanaan inisiatif yang menyokong pembudayaan nilai etika serta akauntabiliti dalam organisasi.

4. **Meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pihak berkepentingan terhadap UMK** melalui pengukuhan imej universiti sebagai sebuah organisasi yang berintegriti, berakauntabiliti dan mengamalkan tadbir urus yang mampan.

5. **Mengenal pasti dan menangani kelemahan aspek tadbir urus, proses kerja dan kawalan organisasi** yang berpotensi mewujudkan ruang berlakunya salah laku, penyalahgunaan kuasa atau amalan tidak berintegriti.

Secara keseluruhannya, OACP UMK dibangunkan sebagai instrumen transformasi organisasi yang bukan sahaja memenuhi keperluan dasar pencegahan rasuah, malah menjadi panduan strategik dalam memperkukuh sistem tadbir urus, meningkatkan keberkesanan kawalan risiko serta membentuk budaya integriti yang berterusan dalam seluruh ekosistem universiti.

BAB 2
PROFIL DAN KONTEKS ORGANISASI UMK

LATAR BELAKANG

UMK merupakan sebuah Badan Berkanun di Malaysia dan merupakan Universiti Awam yang ke-19. Penubuhannya diumumkan semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK ke-9) pada 31 Mac 2006 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, YAB Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor pendidikan tinggi negara. Penubuhan universiti ini telah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jun 2006 dan diperbadankan pada 1 September 2006. Falsafah kurikulum pengajian di UMK berteraskan kepada Pendidikan Keusahawanan dan frasa rangsangan seperti *"Entrepreneurship is Our Thrust" "Keusahawanan Teras Kami" dan Entrepreneurial University" "Universiti Keusahawanan"* digunakan secara meluas. Pada peringkat awal, 3 kelompok bidang teras telah diberi penekanan iaitu keusahawanan dan perniagaan, teknologi kreatif dan warisan serta agro industri dan sumber asli. Kesemua program pengajian diperkasakan dengan kemahiran berbahasa dan kemahiran insaniah bagi melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi dengan minda kelas pertama dan memiliki atribut keusahawanan. Modal insan ini bukan sahaja memacu ke arah peningkatan keupayaan dan kemampuan bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) malah turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian. Selaras dengan pelaksanaan semua bidang pengajian, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan sebagai pengupaya.


VISI
Menjadi Peneraju
Pembangunan Insan Seimbang
Dan Holistik Bercirikan Keusahawanan
Bagi Kesejahteraan Global
MISI
UMK Komited Menyediakan Pendidikan,
Penyelidikan dan Perkhidmatan Berkualiti
Melalui Pendekatan Keusahawanan
Humanistik Bagi Melahirkan Graduan
Holistik dan Mendayaupaya Masyarakat
Mampan

7 TERAS STRATEGIK UMK30

KEUSAHAWANAN 1
Peneraju kebitaraan keusahawanan serta penghasilan bakat keusahawanan humanistik.

AKADEMIK DAN ANTARABANGSA 2
Memperkasa program akademik unggul serta mengukuhkan jaringan global.

PELAJAR DAN ALUMNI 3
Penghasilan pelajar holistik dan pengukuhan jaringan alumni.

PENYELIDIKAN DAN INOVASI 4
Pengukuhan ekosistem penyelidikan, pembangunan, inovasi, komersialisasi dan jaringan strategik untuk mencapai ekonomi yang berimpak mampan.

GOVERNAN DAN BAKAT 5
Pengukuhan governan universiti dan pemerkasaan bakat.

KEWANGAN 6
Kemampanan kewangan melalui pengurusan kewangan strategik.

PERSEKITARAN SEJAHTERA 7
Suasana persekitaran yang kondusif dengan peningkatan kualiti infrastruktur, pendigitalan, dan kesejahteraan kehidupan warga universiti.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LOGO DAN FALSAFAH

Logo UMK simbolik kepada penekanan kepada huruf ‘U’, ‘M’ dan ‘K’. Reka bentuknya melambangkan unsur dan sifat universiti yang terbuka dan merentasi zaman. Manakala bentuk *hour glass* pula menggambarkan tiada had untuk tempoh masa dalam proses pembelajaran iaitu penggalakan pembelajaran sepanjang hayat. Ia juga melambangkan unsur kromosom yang aktif dan dinamik serta kejadian alam *(a part of nature)*.

Proses ini disokong dengan lambang dua tangan yang memohon restu dan keredhaan serta sentiasa bersyukur. Gambaran imej kromosom melambangkan sifat aktif dan dinamik semasa berinteraksi dengan persekitaran universiti. Pemilihan warna ‘biru’ adalah untuk Malaysia, ‘merah’ untuk Kelantan dan ‘jingga’ yang merupakan warna semula jadi buah pinang masak merujuk kepada warisan.

Logo ini didukung oleh Falsafah UMK yang memberi penekanan kepada enam (6) aspek utama iaitu:

6
ASPEK UTAMA

- Pendidikan keusahawanan
- Bahasa ketiga
- Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebagai pengupaya
- Pembelajaran sepanjang hayat
- Modal insan yang berkualiti
- Keunikan dan relevan



STRATEGI TERAS PEMBANGUNAN UMK

Setiap warga UMK yang terdiri daripada pelajar dan staf mendukung teras nilai yang sama bagi membentuk satu identiti Universiti. Nilai-nilai ini menjadi asas kepada pembangunan modal insan yang kreatif, inovatif dan profesional dalam semua aspek pengurusan dan perkhidmatan.

Teras Pembangunan UMK

1. Membangunkan dan mengantarabangsakan program pengajian serta akademik Universiti
2. Membudayakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan
3. Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti serta mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap
4. Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan universiti keusahawanan
5. Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri

NILAI TERAS ORGANISASI

Setiap warga UMK yang terdiri daripada pelajar dan staf mendukung teras nilai yang sama bagi membentuk satu identiti universiti. 3 nilai teras UMK adalah:

a) Kreatif dan inovatif

Warga UMK harus senantiasa mempertingkatkan kualiti kerja dengan menambahbaik prosedur kerja dan memberi perhatian kepada amalan terbaik supaya penyampaian lebih efektif, lebih pantas (efisien) dan menambah kepuasan kepada pengguna.

Warga UMK juga perlu memperkenalkan produk, kaedah atau pendekatan baru dalam penawaran perkhidmatan pendidikan keusahawanan dengan mengambil kira penyesuaian kepada perubahan persekitaran.

b) Kesediaan untuk membuat dan menerima perubahan

Warga UMK perlu bersedia untuk mempelajari dan meneroka ilmu baru untuk meningkatkan keupayaan diri semasa melaksanakan tanggungjawab.

Mereka juga harus mengambil sikap positif kepada teguran yang membina sebagai proses pemantapan hasil kerja. Sikap keterbukaan ini membentuk individu yang fleksibel, serba boleh, berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi.

c) Bersikap profesional dalam segala tindakan

Warga UMK harus berpengetahuan luas, berkemahiran dan kompeten dalam bidang kepakaran atau tanggungjawab, serta mengutamakan pelaksanaan tanggungjawab secara efisyen dan efektif mengikut disiplin tugas dan etika bidang kepakaran.

Warga universiti sentiasa memberi penekanan kepada pencapaian Visi UMK dengan mengamalkan sikap mesra dan endah, berintegriti, partisipatif, jujur dan amanah, serta bersedia untuk memimpin dan memberikan kerjasama apabila dipimpin.

PIAGAM PELANGGAN

Berteraskan keusahawanan sebagai tunjang dengan berpegang kepada nilai kreatif dan inovatif, keterbukaan dan profesionalisme dalam pembangunan modal insan yang unik, relevan dan berbeza, UMK berazam, beriltizam dan bertekad serta berjanji untuk melaksanakan segala hak yang termaktub kepada semua pelanggannya secara profesional, beretika dan berintegriti:

a) Staf

Mewujudkan suasana kerja yang kondusif bagi membolehkan staf mempamerkan semua keupayaan ke arah kecemerlangan dengan sistem insentif dan imbuhan yang menarik serta peluang untuk mengukuhkan laluan kerjaya yang berdaya saing.

b) Pelajar

Menyediakan pendidikan yang bermutu berdasarkan kepada piawaian global yang menjamin peluang kerjaya yang cemerlang dalam semua disiplin yang diceburi.

c) Masyarakat dan Industri

Menjadikan UMK relevan kepada masyarakat dalam usaha untuk meningkatkan sosio-ekonomi, budaya dan pengukuhan jati diri dan Negara bangsa, di samping memastikan industri menjadi rakan pintar bagi meningkatkan penjanaan ekonomi dan pewujudan peluang pekerjaan para graduan.

d) Negara

Menyediakan tenaga kerja berpengetahuan dengan kemahiran yang tinggi, di samping memiliki atribut keusahawanan yang dapat menembusi semua aspek keperluan guna tenaga negara.

e) Maklum Balas/ Pertanyaan/ Cadangan

Mengesahkan penerimaan aduan, cadangan dan/atau pertanyaan berkaitan perkhidmatan universiti dalam tempoh 24 jam. Mengambil tindakan tidak melebihi 5 hari bekerja.



BAB 3
KERANGKA TADBIR URUS DAN INTEGRITI UMK

Pelaksanaan OACP UMK 2026–2030 disokong oleh kerangka tadbir urus yang jelas bagi memastikan setiap inisiatif antirasuah dilaksanakan secara sistematik, dipantau secara berterusan dan dinilai keberkesanannya. Kerangka ini menggariskan peranan dan tanggungjawab setiap peringkat pengurusan dalam memperkukuh integriti, meningkatkan akauntabiliti serta memastikan pematuhan terhadap undang-undang, dasar dan peraturan yang berkuat kuasa.

Pada peringkat strategik, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) berperanan menetapkan hala tuju, menyokong pelaksanaan agenda integriti. Jawatankuasa Tatakeola Universiti (JTKU) memantau kemajuan pelaksanaan pencapaian OACP UMK. Unit Integriti (UI) bertindak sebagai urus setia dan penyelaras utama, manakala Jawatankuasa OACP UMK berperanan sebagai badan penyelaras strategik yang memastikan pembangunan dan pelaksanaan OACP UMK dilaksanakan secara sistematik berasaskan pengurusan risiko serta menyokong pengukuhan governan, integriti dan pencegahan rasuah secara berterusan.

Di peringkat pelaksanaan, PTj sebagai pemilik risiko bertanggungjawab melaksanakan inisiatif, mengurus risiko rasuah dan melaporkan status pelaksanaan kepada Unit Integriti. Melalui kerangka tadbir urus ini, pelaksanaan OACP UMK dilaksanakan secara bersepadu dengan penglibatan semua peringkat pengurusan, sekali gus memperkukuh sistem tadbir urus, meningkatkan ketelusan dan membudayakan integriti dalam seluruh ekosistem UMK.

PERINGKAT DAN PERANAN

Peringkat	Peranan
LPU/JPU	Penetapan Hala Tuju, Menyokong Pelaksanaan Agenda Integriti
JTKU	Pemantauan Kemajuan Pelaksanaan Pencapaian OACP UMK
UI	Urus setia/Penyelaras Utama
JKOACP UMK	Memastikan Pelaksanaan OACP UMK Berasaskan Pengurusan Risiko
PTj	Pemilik Risiko, Melaksanakan Inisiatif, Mengurus Risiko dan Melapor Status kepada UI

DASAR DAN PERUNDANGAN

Dasar	Fungsi
Pelan Antirasuah Nasional (NACP)	Hala Tuju Nasional
Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019	Penubuhan OACP
Akta SPRM 2009 (Akta 694)	Kesalahan rasuah
Seksyen 17A Akta SPRM	Liabiliti Korporat
Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)	Tatatertib pegawai
Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia	Integriti dan tatakelakuan

Polisi Integriti UMK	Mekanisme Pengukuhan Integriti
Pelan Antirasuah UMK 2022-2026	Perisytiharan Harta
Kod Etika UMK	Permohonan Pekerjaan Luar
Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah	Ikrar Integriti
Polisi Pemberi Maklumat	Program Pengukuhan Integriti
Polisi Pengurusan Aduan	Pengurusan Aduan
Polisi Perisytiharan Harta	Pemeriksaan Pematuhan Berjadual

Pelaksanaan OACP UMK 2026–2030 diperkukuh melalui kerangka tadbir urus yang jelas, dasar integriti yang komprehensif serta mekanisme pemantauan yang sistematik. Kesemua elemen ini berfungsi sebagai asas kepada pelaksanaan inisiatif antirasuah secara berkesan, meningkatkan tahap pematuhan terhadap peraturan, memperkukuh akauntabiliti serta membudayakan integriti dalam setiap aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan universiti.

BAB 4
ASAS DAN PENDEKATAN PEMBANGUNAN OACP UMK 2026-2030

ISU DAN CABARAN TADBIR URUS, INTEGRITI DAN RASUAH

Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perceptions Index* - CPI) yang diterbitkan setiap tahun oleh *Transparency International* merupakan penanda aras global yang mengukur persepsi terhadap tahap rasuah dalam sektor awam. Skor CPI berada pada julat 0 hingga 100, di mana skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap integriti yang lebih baik dan persepsi rasuah yang lebih rendah.

Sepanjang tempoh 2021 hingga 2025, prestasi Malaysia menunjukkan perkembangan yang sederhana sebagaimana jadual berikut:

Jadual 1: CPI Malaysia Tahun 2021 hingga 2025

Tahun	Skor CPI	Kedudukan Dunia	Bilangan Negara
2021	48	62	180
2022	47	61	180
2023	50	57	180
2024	50	57	180
2025	52	54	182

INDEKS PERSEPSI RASUAH DI MALAYSIA BAGI TAHUN 2021-2025



Carta 1: Trend CPI Malaysia Tahun 2021 hingga 2025

Jadual dan carta CPI di atas menunjukkan prestasi Malaysia yang semakin baik sepanjang tempoh 2021 hingga 2025, mencerminkan keberkesanan usaha berterusan kerajaan dalam memperkukuh integriti, tadbir urus dan pencegahan rasuah. Walau bagaimanapun, usaha penambahbaikan perlu diteruskan bagi merealisasikan aspirasi negara untuk berada dalam kelompok 25 negara terbaik dunia dari segi persepsi rasuah. Selaras dengan aspirasi tersebut, UMK melalui OACP UMK 2026–2030 komited memperkukuh budaya integriti, tadbir urus, akauntabiliti dan pelaksanaan inisiatif pencegahan rasuah secara sistematik sebagai sokongan kepada agenda antirasuah negara.

PENJAJARAN OACP UMK 2026–2030 DENGAN STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NASIONAL (NACS) 2024–2028

OACP UMK 2026–2030 dibangunkan selaras dengan aspirasi Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (*National Anti-Corruption Strategy* – NACS) 2024–2028 yang menjadi dasar utama Kerajaan Malaysia dalam memperkukuh tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah di semua sektor. Sebagai kesinambungan kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019–2023, NACS menggariskan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berimpak bagi membudayakan integriti, meningkatkan ketelusan, memperkukuh kebertanggungjawaban serta mengekang penyalahgunaan kuasa dalam organisasi.

Sebagai institusi pendidikan tinggi awam, UMK komited memperkukuh tadbir urus, integriti dan pencegahan rasuah melalui OACP UMK 2026–2030. Pelan ini memberi tumpuan kepada pengukuhan sistem tadbir urus, pengurusan risiko rasuah, kawalan dalaman, pematuhan, ketelusan, serta pembudayaan integriti dalam kalangan warga universiti.

Pelaksanaan pelan ini bertujuan mencegah rasuah dan salah guna kuasa, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, memperkukuh akauntabiliti serta meningkatkan keyakinan pemegang taruh terhadap pengurusan universiti. Selaras dengan NACS 2024–2028, UMK beriltizam menyokong agenda nasional dalam membangunkan institusi yang telus, berintegriti, berakauntabiliti dan bebas daripada rasuah.

Jadual 2: Penjajaran OACP UMK 2026-2030 dan NACS 2024-2028

Fokus Strategik OACP UMK 2026–2030	Penjajaran dengan NACS 2024–2028	Hasil yang Disasarkan
Memperkukuh tadbir urus universiti	Memperkukuh tadbir urus integriti awam	Tadbir urus yang cekap, telus dan berakauntabiliti
Memantapkan pengurusan risiko rasuah	Memperkasakan pengurusan risiko rasuah	Risiko rasuah dikenal pasti dan dikawal secara sistematik
Meningkatkan integriti dan etika warga	Membudayakan integriti dalam organisasi	Warga beretika, berintegriti dan bertanggungjawab
Memperkukuh pematuhan dan kawalan dalaman	Mempertingkat akauntabiliti dan pematuhan	Pengurangan ketidakpatuhan dan salah guna kuasa
Meningkatkan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan	Meningkatkan ketelusan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan	Penyampaian perkhidmatan yang lebih telus dan efisien
Memperkukuh pemantauan serta pelaporan	Memperkukuh mekanisme pemantauan dan penilaian	Pelaksanaan inisiatif yang berkesan dan berimpak

PEMBANGUNAN OACP UMK 2026-2030

PENDEKATAN 7 LANGKAH PELAKSANAAN OACP

Pembangunan OACP UMK dilaksanakan melalui pendekatan 7 langkah yang sistematik dan berstruktur, bermula dengan penyediaan profil organisasi, analisis data, penilaian risiko rasuah, penentuan kawasan keutamaan, pembentukan rangka kerja pelan, pelaksanaan pemantauan dan penilaian, serta pengukuran impak berdasarkan indikator keberkesanan yang ditetapkan.

Pendekatan ini memastikan pembangunan OACP UMK tidak dilaksanakan secara umum, sebaliknya berasaskan analisis, bukti dan risiko sebenar yang dikenal pasti dalam organisasi. Melalui kitaran 7 langkah tersebut, setiap inisiatif yang dirangka mempunyai hubungan yang jelas dengan risiko rasuah, bidang keutamaan universiti serta mekanisme pengukuran bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan secara berterusan. Pendekatan ini juga menekankan keperluan penglibatan pihak berkepentingan, pembudayaan etika kerja, dan pemantauan berterusan agar pelaksanaan OACP UMK selari dengan aspirasi strategik universiti bagi tempoh 2026–2030.

1. **Profil Organisasi**

Melibatkan penyediaan profil organisasi iaitu latar belakang organisasi, fungsi utama, struktur operasi dan persekitaran tadbir urus dikenal pasti bagi memberikan pemahaman asas terhadap konteks pembangunan OACP.

2. Analisis Data

Memberi tumpuan kepada analisis data daripada pelbagai sumber yang relevan. Analisis ini penting untuk mengenal pasti pola, kelemahan dan petunjuk awal berkaitan risiko rasuah dan isu integriti.

3. Penilaian Risiko Rasuah

Melibatkan penilaian risiko rasuah secara sistematik. Risiko-risiko yang dikenal pasti akan dinilai dari segi kebarangkalian dan impaknya terhadap organisasi.

4. Kawasan Keutamaan Organisasi

Berdasarkan hasil analisis dan penilaian risiko, organisasi akan menentukan bidang atau kawasan keutamaan yang memerlukan intervensi, kawalan dan pemantauan yang lebih ketat.

5. Rangka Kerja OACP

Menumpukan kepada pembangunan rangka kerja OACP yang merangkumi strategi, objektif, bidang keutamaan dan inisiatif yang akan dilaksanakan.

6. Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian

Memberi penekanan kepada pelaksanaan inisiatif yang telah dikenal pasti, di samping mewujudkan mekanisme pemantauan dan penilaian bagi memastikan tindakan yang dirancang benar-benar dilaksanakan.

7. Pengukuran Impak

Melibatkan pengukuran impak melalui petunjuk atau indikator keberkesanan. Langkah ini penting untuk menilai sama ada pelaksanaan OACP benar-benar memberi kesan kepada penambahbaikan integriti dan tadbir urus organisasi.



Gambar rajah 1: 7 Langkah Pelaksanaan OACP

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP UMK

Pelantikan Jawatankuasa Pembangunan OACP UMK 2027 – 2031 adalah secara *'ad hoc'* sehingga penerbitan buku OACP UMK 2026-2030 selesai. Komposisi jawatankuasa terdiri daripada seorang penasihat, seorang pengerusi, 4 orang Ketua Bidang Keutamaan dan 23 orang ahli. Keanggotaan ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Pengurusan Tertinggi serta pegawai-pegawai kanan UMK.

Dalam usaha menjayakan pembangunan Pelan Antirasuah UMK ini beberapa siri taklimat dan bengkel telah diadakan seperti berikut:



18 Jun 2026

Sesi Train The Trainer oleh Perunding kepada Urusetia dan Ahli Jawatankuasa Pelan Antirasuah (OACP) UMK secara dalam talian.

21–22 Jun 2026

Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)

23 Jun 2026

Semakan OACP UMK 2022–2026 dan Bengkel Pembangunan OACP UMK 2026–2030

20 Julai 2026

Sesi Pembentangan Laporan Bengkel OACP UMK oleh Perunding kepada Ahli Jawatankuasa OACP UMK secara dalam talian.

Urusetia, Unit Integriti

Meneruskan langkah seterusnya membangunkan OACP UMK 2026–2030.

Gambar rajah 2: Garis Masa Pembangunan OACP UMK 2026-2030

Bengkel CRM dan OACP UMK diadakan secara bersemuka yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dalam organisasi. Kehadiran pegawai-pegawai kanan ini amat penting bagi memastikan komitmen dan kesungguhan pihak pengurusan tertinggi UMK dalam menutup ruang dan peluang daripada berlakunya salah laku integriti, tadbir urus dan rasuah. Pembangunan OACP UMK melibatkan proses menganalisa data daripada beberapa sumber utama seperti laporan audit, penilaian SPRM, CRM, potensi risiko rasuah, dan NACS bagi menyediakan asas yang objektif untuk mengenal pasti risiko rasuah dan isu integriti. Pendekatan berasaskan data ini penting bagi memastikan risiko yang dikenal pasti benar-benar mencerminkan situasi sebenar organisasi. Hasil analisis tersebut seterusnya menjadi asas kepada pengelasan risiko, pemetaan tahap keutamaan dan pembentukan pelan tindakan strategik bagi tempoh 2026 hingga 2030.

KAEDAH DAN SUMBER ANALISIS DATA



Gambar rajah 3: Sumber Analisis Data

STATUS PENARAFAN SEMULA RISIKO TAHUN 2023 UMK

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penarafan risiko ke atas agensi awam pada setiap 3 tahun sekali. Pada tahun 2020, UMK telah ditarafkan sebagai risiko sederhana. Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada pihak SPRM dan UMK bagi tempoh 2020 hingga 2022, hasil penarafan semula risiko tahun 2023 mendapati UMK masih dikategorikan sebagai risko sederhana.



Sumber: Surat Suruhanjaya pencegahan Rasuah Malaysia - SPRM.BPIA.600-9/3/1 Jld. 26 (58) bertarikh 27 November 2023.


STATISTIK SPRM

i. Penjawat Awam

Jadual 3: Statistik Berhubung Rasuah bagi Tahun 2021-2025

Perkara	Tahun					Jumlah
	2021	2022	2023	2024	2025	
Maklumat	3983	3453	3434	3644	3683	18197
Kertas Siasatan	475	350	444	595	449	2313
Tangkapan	411	323	437	570	429	2170
Tuduh	282	167	163	204	225	1041
Sabitan	127	93	81	101	118	520


STATISTIK BERHUBUNG RASUAH PENJAWAT AWAM BAGI TAHUN 2021-2025



Carta 2: Trend Berhubung Rasuah bagi Penjawat Awam Tahun 2021-2025

Jadual 4: Statistik Sabitan Mengikut Pecahan Kesalahan bagi Tahun 2021-2025

Pecahan Kesalahan	Tahun					Jumlah
	2021	2022	2023	2024	2025	
Terima Rasuah	5	12	10	14	20	61
Beri Rasuah	0	0	0	0	3	3
Tuntutan Palsu	0	3	3	4	1	11
Salah Guna Kuasa	8	13	0	11	5	37
AMLATFA	0	0	0	0	0	0
Kanun Keseksaan	100	64	61	67	86	378
Lain-Lain	14	1	7	5	3	30




Carta 3: Trend Sabitan Mengikut Pecahan Kesalahan bagi Tahun 2021-2025

ii. UMK

Jadual 5: Statistik Berhubung Rasuah Melibatkan UMK bagi Tahun 2021-2025

Perkara	Tahun					Jumlah
	2021	2022	2023	2024	2025	
Maklumat	1	0	1	2	0	4
Kertas Siasatan	1	0	0	0	0	1
Tangkapan	0	0	0	0	0	0
Pertuduhan	0	0	0	0	0	0
Sabitan	0	1	0	0	0	1

STATISTIK BERHUBUNG RASUAH MELIBATKAN
UMK 2021-2025



Carta 4: Statistik Berhubung Rasuah Melibatkan UMK bagi Tahun 2021-2025

Jadual 6: Statistik Sabitan Mengikut Pecahan Kesalahan Melibatkan UMK bagi Tahun 2021-2025

Pecahan Kesalahan	Tahun					Jumlah
	2021	2022	2023	2024	2025	
Terima Rasuah	0	0	0	0	0	0
Beri Rasuah	0	0	0	0	0	0
Tuntutan Palsu	0	0	0	0	0	0
Salah Guna Kuasa	0	0	0	0	0	0
AMLATFA	0	0	0	0	0	0
Kanun Keseksaan	0	1	0	0	0	1
Lain-Lain	0	0	0	0	0	0



Carta 5: Trend Sabitan Mengikut Pecahan Kesalahan Melibatkan UMK bagi Tahun 2021-2025

Sumber: Unit Statistik, Cawangan Perisytiharan Harta dan Statistik, Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat (BPRM), SPRM.

STATISTIK UMK

i. Kes Tatatertib

Jadual 7: Maklumat Berhubung Kes Tatatertib UMK bagi Tahun 2021-2025

Jenis Kesalahan	Tahun					Jumlah
	2021	2022	2023	2024	2025	
Tidak Hadir Bertugas >5 hari	0	0	0	2	2	4
Penyalahgunaan Dadah	1	1	1	2	1	6
Cuai Dalam Melaksanakan Tugas	0	0	0	0	2	2
Gangguan Seksual	0	0	0	1	0	1
Kegiatan Politik	0	1	0	0	1	1
Tuntutan Palsu	0	0	2	0	0	2
Pekerjaan Luar	0	0	1	0	0	1
Jumlah Keseluruhan						17



Carta 6: Maklumat Berhubung Kes Tatatertib UMK bagi Tahun 2021-2025



Sumber: Pejabat Penasihat Undang-Undang

Carta 7: Trend Kes Tatatertib UMK bagi Tahun 2021-2025


ii. Aduan Integriti

Jadual 8: Kategori Aduan Integriti UMK bagi Tahun 2021-2025

Jenis Kesalahan dalam Pengesanan dan Pengesahan (P&P)	Tahun					Jumlah
	2021	2022	2023	2024	2025	
Salah guna kedudukan/jawatan	0	1	0	0	2	3
Tuntutan Palsu	0	1	1	1	0	3
Pelanggaran Tatatertib Jabatan	3	7	1	9	8	28
Lain-lain	3	3	1	0	0	7
Jumlah Keseluruhan						41



Carta 8: Statistik Aduan Integriti UMK bagi Tahun 2021-2025



Sumber: Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor

Carta 9: Trend Aduan Integriti UMK bagi Tahun 2021-2025





BAB 5
ANALISIS DAN RISIKO RASUAH

PENGENALAN

UMK komited untuk melaksanakan sistem pengurusan risiko rasuah yang berkesan, sistematik dan berterusan bagi mengenal pasti, menilai, mengawal, memantau serta mengurangkan risiko rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan pelanggaran integriti bagi fungsi, aktiviti dan urusan universiti.

Pengurusan Risiko Rasuah merupakan sebahagian daripada sistem tadbir urus universiti yang menyokong penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus, berakauntabiliti dan berintegriti selaras dengan prinsip tadbir urus terbaik bertujuan untuk:

1. Mewujudkan pendekatan yang sistematik dalam mengurus risiko rasuah di universiti.
2. Mengenal pasti, menilai dan mengutamakan risiko rasuah berdasarkan tahap impak dan kebarangkalian.
3. Memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian diwujudkan bagi mengurangkan risiko rasuah.
4. Memperkukuh budaya integriti, ketelusan dan akauntabiliti dalam kalangan warga universiti.
5. Menyokong pelaksanaan OACP serta pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

PROFIL RISIKO RASUAH UMK

Penilaian CRM UMK telah mengenal pasti 55 potensi risiko dan 24 risiko utama yang menjadi asas pembangunan OACP UMK 2026-2030.

Jadual berikut adalah jumlah keseluruhan risiko rasuah yang dikenal pasti semasa Bengkel CRM pada 21 dan 22 Jun 2026 dan didokumentasikan oleh 6 PTj di UMK.



Jadual 9: Profil Risiko Rasuah UMK

Bil.	Pejabat	Kenalpasti	Dokumen	Ekstrem	Tinggi	Sederhana	Rendah
1	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	12	4	0	2	2	0
2	Pusat Pembangunan & Pengurusan Infrastruktur	4	4	0	4	0	0
3	Pejabat Bendahari	9	4	0	0	4	0
4	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	8	4	0	4	0	0
5	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	11	4	0	1	3	0
6	Pejabat Pendaftar	11	4	0	0	4	0
	Total	55	24	0	11	13	0

DAFTAR RISIKO RASUAH UMK

Penilaian risiko rasuah UMK dilaksanakan melalui pendekatan 3 langkah melibatkan pengenalpastian risiko, penilaian risiko kritikal organisasi dan dokumentasi dalam daftar risiko. Proses ini menjadi asas dalam mengenal pasti risiko utama serta merangka strategi kawalan dan mitigasi yang bersesuaian.

Pengenalpastian risiko rasuah UMK pula melibatkan identifikasi pihak ketiga, penetapan bentuk risiko (*in-bound* atau *out-bound*) dan pengenalpastian jenis kesalahan rasuah. Proses ini menjadi asas dalam menentukan risiko rasuah yang berpotensi berlaku serta merangka langkah kawalan yang bersesuaian. Jadual berikut adalah daftar risiko rasuah UMK mengikut PTj dan tahap baki risiko.

Jadual 10: Daftar Risiko Rasuah UMK

PTj	Daftar Risiko	Baki Tahap Risiko
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (Pejabat TNC (P&I))	Pihak kontraktor menawarkan atau memberikan rasuah kepada penyelidik bagi mendapatkan akses kepada maklumat sulit berkaitan proses perolehan aset penyelidikan, sekali gus memperoleh kelebihan yang tidak adil dalam proses tersebut.	Tinggi (12)
	Penyelidik membuat tuntutan palsu berkaitan penggunaan dana geran untuk tujuan selain projek yang diluluskan.	Tinggi (12)
	Pengarah/pegawai memalsukan markah penilaan untuk dapatkan *award* geran.	Sederhana (6)
	Pihak ketiga menawarkan suapan atau imbuhan kepada penyelidik bagi mempengaruhi pelantikan pembantu penyelidik, enumerator atau tenaga projek tanpa mengikut kelayakan dan prosedur yang ditetapkan.	Sederhana (6)

Pusat Pembangunan & Pengurusan Infrastruktur (3PI)	Kontraktor pembinaan memberi rasuah kepada staf 3PI untuk mengabaikan kualiti bahan binaan dan kerja di tapak bina.	Tinggi (9)
	Petender memberi rasuah kepada Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender untuk mengesyorkan permohonan petender tersebut.	Tinggi (9)
	Kontraktor memberi rasuah bagi mendapatkan lanjutan masa kontrak projek.	Tinggi (9)
	Pengilang memberi rasuah kepada staf 3PI untuk memaksa supaya menggunakan produk tertentu.	Tinggi (9)
Pejabat Bendahari	Vendor memberi rasuah kepada pegawai Pejabat Bendahari untuk mempercepatkan proses pembayaran kontrak mereka (Pembayaran).	Sederhana (6)
	Pihak bank memberi rasuah kepada pegawai Pejabat Bendahari untuk memilih bank yang tidak memberi pulangan yang menarik atas pelaburan.	Sederhana (6)
	Vendor memberi rasuah kepada pegawai Pejabat Bendahari untuk pelantikan syarikat bagi pelupusan aset.	Sederhana (6)
	Pegawai melakukan perubahan gaji kepada kakitangan yang ada hubungan dengan beliau bagi mendapatkan habuan.	Sederhana (6)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) (Pejabat TNC (HEPA))	Menerima suapan untuk pemilihan vendor/ kontraktor.	Tinggi (8)
	Menerima suapan untuk menghapuskan denda kompaun pelajar.	Tinggi (9)
	Salah guna kuasa dalam membuat pemilihan penerima (pelajar) bantuan.	Tinggi (9)
	Salah guna kuasa dalam pengurusan kewangan kelab dan persatuan.	Tinggi (9)

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (Pejabat TNC (A&A))	Pelajar memberi rasuah kepada pegawai untuk memudahkan urusan pengurusan akademik.	Sederhana (6)
	Vendor memberi rasuah kepada pegawai memperoleh sesuatu perolehan kerja/perkhidmatan.	Tinggi (8)
	Ejen perekrutan memberi rasuah kepada pegawai untuk memperoleh hak perekrutan pelajar.	Sederhana (6)
	Pensyarah menyalahgunakan kuasa meminta pelajar membuat penilaian pengajaran kursus dengan markah tinggi	Sederhana (6)
Pejabat Pendaftar	Calon menawarkan wang, hadiah atau manfaat kepada pegawai yang terlibat dalam urusan pengambilan bagi mempengaruhi keputusan pelantikan.	Sederhana (4)
	Ahli jawatankuasa menyalahgunakan kuasa dengan memberikan markah lebih tinggi kepada calon yang mempunyai hubungan kekeluargaan, persahabatan atau kepentingan peribadi.	Sederhana (4)
	Ketua PTj mempengaruhi proses pemilihan bagi memastikan calon tertentu dilantik tanpa memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan.	Sederhana (4)
	Pegawai membocorkan soalan temuduga, skema penilaian atau maklumat sulit kepada calon tertentu sebagai balasan habuan.	Sederhana (4)

PENGENALPASTIAN 10 RISIKO RASUAH TERTINGGI UMK

Pengenalpastian 10 risiko rasuah tertinggi merupakan satu langkah penting dalam pembangunan OACP UMK bagi memastikan sumber, kawalan dan inisiatif pencegahan diberi tumpuan kepada risiko yang paling kritikal. Pemilihan risiko-risiko tersebut dibuat berdasarkan hasil penilaian risiko rasuah yang dilaksanakan secara sistematik menggunakan pendekatan CRM. Kriteria pemilihan 10 risiko tertinggi adalah seperti berikut:

1. Penarafan baki risiko yang paling tinggi selepas mengambil kira keberkesanan kawalan sedia ada;

2. Penarafan impak yang paling tinggi terhadap organisasi sekiranya risiko berlaku;

3. Sekiranya terdapat risiko dengan penarafan impak yang sama, pemilihan dibuat berdasarkan penarafan kebarangkalian yang lebih tinggi;

4. Keutamaan turut diberikan kepada risiko berkaitan rasuah keluar di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], memandangkan implikasinya terhadap liabiliti organisasi adalah lebih signifikan; dan

5. Risiko yang berulang atau dikenal pasti merentasi pelbagai proses kerja dan fungsi organisasi turut diberikan keutamaan kerana menunjukkan kewujudan kelemahan kawalan yang bersifat menyeluruh.

Berdasarkan penilaian yang telah dilaksanakan, UMK telah mengenal pasti 10 risiko rasuah tertinggi yang memerlukan perhatian dan tindakan mitigasi secara strategik sepanjang tempoh pelaksanaan OACP UMK 2026–2030. Risiko-risiko ini telah dikategorikan mengikut 4 jenis kesalahan rasuah utama di bawah Akta SPRM, iaitu menerima atau meminta suapan, memberi atau menawarkan suapan, mengemukakan tuntutan palsu, dan menyalahgunakan jawatan atau kedudukan untuk memperoleh suapan. Keutamaan terhadap risiko-risiko ini akan menjadi asas kepada penyediaan inisiatif, pelan tindakan dan mekanisme pemantauan bagi memperkukuh sistem integriti, tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan universiti. Jadual berikut adalah tema risiko utama yang dikenalpasti berdasarkan kriteria di atas melibatkan 6 PTj utama.

Jadual 11: 10 Risiko Rasuah Tertinggi UMK

Bil.	10 Risiko Rasuah Tertinggi	PTj Terlibat	Skor Baki Risiko	Tahap
1	Rasuah dalam perolehan, tender, pemilihan vendor/kontraktor	Pejabat Bendahari, Pejabat TNC (P&I), Pejabat TNC (HEPA), Pejabat TNC (A&A), 3PI	12	Tinggi
2	Tuntutan palsu dan penyalahgunaan dana geran / dana organisasi	Pejabat TNC (P&I), Pejabat TNC (HEPA)	12	Tinggi
3	Suapan / salah guna kuasa untuk menghapus atau mengurangkan denda kompaun pelajar	Pejabat TNC (HEPA)	9	Tinggi
4	Salah guna kuasa dalam pemilihan penerima bantuan, geran atau faedah	Pejabat TNC (HEPA), Pejabat TNC (P&I)	9	Tinggi
5	Rasuah yang menjejaskan kualiti projek, bahan binaan dan pematuhan tapak	3PI	9	Tinggi
6	Rasuah untuk mempengaruhi spesifikasi produk, syor tender atau lanjutan masa kontrak	3PI	9	Tinggi
7	Rasuah untuk mempercepat atau memudahkan urusan pentadbiran / perkhidmatan	Pejabat Bendahari, Pejabat TNC (A&A)	6	Sederhana
8	Rasuah, pilih kasih dan campur tangan dalam pengambilan / pelantikan / pemilihan staf	Pejabat Pendaftar, Pejabat TNC (P&I)	6	Sederhana
9	Manipulasi keputusan kewangan, pelaburan dan data gaji	Pejabat Bendahari	6	Sederhana
10	Pengaruh ejen luar dalam hak perekrutan pelajar	Pejabat TNC (A&A)	6	Sederhana

MATRIKS RISIKO RASUAH UMK

Bagi memperkukuh proses penilaian dan penentuan keutamaan risiko rasuah, UMK telah mengguna pakai Matriks Risiko Rasuah 5 × 5 yang menilai setiap risiko berdasarkan dua dimensi utama, iaitu kebarangkalian (*likelihood*) dan impak *(impact*). Pendekatan ini membolehkan setiap risiko dipetakan secara sistematik mengikut tahap keseriusannya, sekali gus membantu organisasi menentukan keutamaan tindakan mitigasi serta memperuntukkan sumber secara lebih berkesan.
Melalui penggunaan matriks ini, tahap risiko diklasifikasikan seperti berikut:

- Risiko Tinggi: skor 15 hingga 25, yang memerlukan tindakan mitigasi segera dan pemantauan secara berterusan; dan
- Risiko Sederhana: skor 4 hingga 12, yang memerlukan kawalan sedia ada diperkukuh serta dipantau secara berkala bagi mengelakkan peningkatan tahap risiko.

Jadual 12: Matrik Risiko Rasuah 5 x 5 dan Pemetaan bagi 10 Risiko Tertinggi UMK

KEBARANGKALIAN							
	HAMPIR PASTI BERLAKU	5	5	10	15	20	25
	KEMUNGKINAN TINGGI	4	4	8	12	16	20
	ADA KEMUNGKINAN	3	3	6	❸ ❹ 9 ❺ ❻	❷ 12 ❶	15
	KEMUNGKINAN RENDAH	2	2	4	❼ 6 ❽ ❾ ❿	8	10
	HAMPIR TIADA KEMUNGKINAN	1	1	2	3	4	5
MATRIKS RISIKO			1	2	3	4	5
			RENDAH	SEDERHANA	KETARA	TINGGI	SANGAT TINGGI
IMPAK							

Tahap Risiko	Pelan Tindakan
Tinggi (Skor 8 – 12)	• Perlu diberi perhatian oleh pihak Pengurusan PTj • Rancangan/pelan tindakan di peringkat PTj perlu disediakan • Risiko rujukan: R01, R02, R03, R04, R05 & R06
Sederhana (Skor 4 – 6)	• Perlu diurus dan diberi perhatian oleh pihak bertanggungjawab • Risiko rujukan: R07, R08,R09, R10

Hasil pemetaan risiko menunjukkan bahawa Risiko 1 (R01) hingga Risiko 6 (R06) berada dalam kategori Risiko Tinggi, manakala Risiko 7 (R07) hingga Risiko 10 (R10) diklasifikasikan sebagai Risiko Sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti risiko utama yang dikenal pasti berpotensi memberikan impak yang signifikan terhadap tadbir urus, integriti dan penyampaian perkhidmatan universiti sekiranya tidak ditangani secara berkesan.

PERINCIAN RISIKO TERTINGGI UMK

Analisis terhadap 10 risiko rasuah tertinggi menunjukkan bahawa Risiko 1 (R01) dan Risiko 2 (R02) merekodkan skor baki risiko tertinggi, iaitu 12. Kedua-dua risiko ini merupakan risiko yang paling kritikal kerana mempunyai tahap pendedahan yang tinggi serta berpotensi memberi impak yang signifikan terhadap tadbir urus, integriti dan penyampaian perkhidmatan Universiti sekiranya tidak ditangani secara berkesan.

Risiko 3 (R03), Risiko 4 (R04), Risiko 5 (R05) dan Risiko 6 (R06) masing-masing mencatatkan skor baki risiko 9. Walaupun berada di bawah dua risiko tertinggi, risiko-risiko ini masih dikategorikan sebagai risiko yang signifikan dan memerlukan tindakan mitigasi yang sistematik. Risiko-risiko tersebut lazimnya berkait rapat dengan proses kerja yang melibatkan kuasa budi bicara, kelulusan, penilaian, pengesahan dan perolehan, yang berpotensi mewujudkan ruang kepada perlakuan rasuah sekiranya kawalan dalaman tidak dilaksanakan secara berkesan.

Sementara itu, Risiko 7 (R07) hingga Risiko 10 (R10) masing-masing merekodkan skor baki risiko 6. Walaupun berada pada tahap yang lebih rendah berbanding risiko lain dalam senarai 10 risiko tertinggi, risiko-risiko ini masih memerlukan pemantauan dan kawalan yang berterusan bagi memastikan tahap risiko kekal terkawal serta tidak meningkat pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya, pengelasan risiko berdasarkan skor baki risiko ini menjadi asas kepada penentuan keutamaan pelaksanaan inisiatif OACP UMK 2026–2030. Pendekatan ini membolehkan universiti memberi tumpuan kepada risiko yang mempunyai tahap pendedahan dan impak yang lebih tinggi melalui pelaksanaan langkah-langkah mitigasi yang bersasar, berimpak dan mampan.



Gambar rajah 4: Rumusan 10 Risiko Rasuah Tertinggi bagi 6 PTj

BAB 6
PENILAIAN OACP UMK 2022–2026

KEMAJUAN OACP UMK 2022-2026

OACP UMK 2022-2026 yang dilancarkan pada 4 Disember 2022 telah menunjukkan pencapaian kemajuan yang baik. Selaras dengan Laporan Pencapaian OACP UMK 2022-2026 bagi Penggal Pertama yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Universiti (JTKU) Bilangan 2/2026 (Kali Ke-7) pada 10 Jun 2026, daripada keseluruhan 82 inisiatif yang dipantau, sebanyak 62 inisiatif telah selesai pelaksanaan bersamaan dengan 75%. Ini menjadikan baki inisiatif yang kini dipantau adalah sebanyak 20 inisiatif. Penilaian terhadap status pelaksanaan OACP UMK 2022–2026 merupakan salah satu elemen penting dalam memastikan kesinambungan perancangan antirasuah dan integriti universiti. Penilaian ini menjadi asas kepada pembangunan OACP UMK 2026–2030, khususnya dalam mengenal pasti tindakan yang telah diselesaikan, tindakan yang sedang dilaksanakan serta perkara yang memerlukan penambahbaikan atau tindakan susulan. Pendekatan ini bagi memastikan pembangunan OACP UMK 2026–2030 tidak dilaksanakan secara terpisah, sebaliknya mengambil kira pengalaman, pencapaian dan pengajaran daripada pelaksanaan pelan terdahulu. Kesinambungan ini turut memperkukuh perancangan strategik universiti dalam menangani risiko rasuah dan mempertingkatkan amalan tadbir urus, integriti, ketelusan dan akauntabiliti secara berterusan.

Daripada 20 inisiatif yang masih dalam tindakan PTj, 18 inisiatif dijangka dapat menepati masa dan diselesaikan sebelum penghujung Disember 2026 bersamaan dengan 98% pencapaian secara keseluruhan pelaksanaan OACP UMK 2022-2026. Manakala, 2 inisiatif digugurkan berdasarkan perbincangan semasa Bengkel OACP UMK 2026-2030 pada 23 Jun 2026 disebabkan oleh kompleksiti pelaksanaan yang melibatkan agensi luar dan pemakaian peraturan sedia ada. Jadual berikut adalah 2 inisiatif yang digugurkan.

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN					
Strategi : Meningkatkan Tadbir Urus Dan Penyampaian Perkhidmatan					
Objektif Strategik : Menyediakan Sumber Manusia Yang Berpengetahuan, Kompeten Dan Berintegriti					
BIL.	RISIKO	INISIATIF		PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.	Ketidakpatuhan Kod Etika UMK	1.1.4	Mengenakan tindakan tatatertib	Seksyen Guaman dan Tatatertib, Pejabat Penasihat Undang-Undang/ Seksyen Perkhidmatan, Pejabat pendaftar	Disember 2022 - 2026

Inisiatif ini dicadangkan untuk dikeluarkan daripada Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) kerana tindakan seterusnya adalah di bawah kendalian agensi luar selaras dengan peruntukan yang berkuat kuasa, sekali gus menangani isu yang dikenal pasti.

BIDANG KEUTAMAAN : PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN					
Strategi : Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti Pengurusan Kewangan dan Pembangunan					
Objektif Strategik : Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Integriti dalam Pengurusan Perolehan					
BIL	RISIKO	INISIATIF		PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
2.	Memperakukan bayaran interim projek tidak mengikut peratusan kerja di tapak	2.3.3	Mewujudkan garis panduan dan kod kawalan bagi memastikan pegawai mematuhi pekeliling perbendaharaan	Semua Bahagian di Pusat Pembangunan dan Pengurusasn Infrastruktur	2022 - 2026

Inisiatif ini dicadangkan untuk dikeluarkan daripada OACP kerana kawalan sedia ada didapati mencukupi. Pematuhan terhadap Pekeliling Perbendaharaan telah diperuntukkan melalui peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa serta diperkukuh melalui dasar, prosedur operasi standard (SOP), dan Deskripsi Tugas (JD)/Portfolio Jabatan.

Jadual berikut merupakan perincian inisiatif OACP UMK 2022-2026 yang masih dalam tindakan dan perlu diselesaikan pada tahun 2026 mengikut Bidang Keutamaan.

Jadual 13: Status Semakan OACP UMK 2022-2026 (Dalam Tindakan)

Bil	Inisitaif	PTj Bertanggungjawab	Bidang Keutamaan	Tindakan	Catatan
1.	Pemantapan kaedah pemantauan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab	Seksyen Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar / Ketua Pusat Tanggungjawab	1	Perlu diselesaikan pada tahun 2026	Teruskan untuk dilaksana secara berterusan
2.	Mengenakan tindakan tatatertib	Seksyen Guaman dan Tatatertib, Pejabat Penasihat Undang-Undang/ Seksyen Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar	1	Tindakan tatatetib telah diambil.	UI untuk mendapatkan surat keputusan. Inisiatif ini digugurkan.
3.	Menambah kriteria penilaian kompetensi sebagai indikator pengukuran	Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, Pejabat Pendaftar	1	Selesai	Dikeluar dari OACP
4.	Memantapkan garis panduan pengurusan dan pelaksanaan perolehan projek	Bahagian Pengurusan Projek, Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	2	Garis panduan akan diperakukan di Mesyuarat Jawtankuasa Pengurusan Pembangunan Universiti pada 25 Jun 2026 dan LPU jangkaan pada Ogos 2026.	Perlu diselesaikan pada tahun 2026

5.	Mewujudkan garis panduan dan kod kawalan bagi memastikan pegawai mematuhi pekeliling perbendaharaan	Semua Bahagian di Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	2	Kawalan sedia ada didapati mencukupi. Pematuhan terhadap Pekeliling Perbendaharaan telah diperuntukkan melalui peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa serta diperkukuh melalui dasar, prosedur operasi standard (SOP), dan Deskripsi Tugas (JD)/Portfolio Jabatan	UI untuk mendapatakan cabutan Minit Mesyuarat Pengurusan 3PI bertarikh April 2026 sebagai dokumen sokongan. Inisiatif ini digugurkan.
6.	Mewujudkan Garis Panduan Kawalan Kelulusan Perubahan Kerja (V.O)	Bahagian Pengurusan Projek, Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	2	Garis panduan akan diperakukan di Mesyuarat Jawtankuasa Pengurusan Pembangunan Universiti pada 25 Jun 2026 dan LPU jangkaan pada Ogos 2026.	Perlu diselesaikan pada tahun 2026

7.	Mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Lanjutan Masa Projek (E.O.T)	Bahagian Pengurusan Projek, Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Penyelenggaraan, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur	2	Garis panduan akan diperakukan di Mesyuarat Jawtankuasa Pengurusan Pembangunan Universiti pada 25 Jun 2026 dan LPU jangkaan pada Ogos 2026.	Perlu diselesaikan pada tahun 2026
8.	Menganjurkan sesi taklimat mengenai Polisi Perundingan dan Garis Panduan Geran Universiti	Bahagian Komersialan dan Harta Intelek, dan Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	3	Dijangka dilaksanakan awal Julai 2026	Perlu diselesaikan pada tahun 2026
9.	Memberi taklimat Standard Operation Procedure (SOP) bagi pengurusan kewangan untuk geran penyelidikan/ perundingan	Bahagian Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	3	Dijangka dilaksanakan awal Julai 2026	Perlu diselesaikan pada tahun 2026
10.	Melaksanakan program etika/ integriti bagi penyelidikan dan inovasi kepada penyelidik UMK	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi / Unit Integriti	3	Dijangka dilaksanakan awal Julai 2026	Perlu diselesaikan pada tahun 2026

11.	Menganjurkan sesi taklimat mengenai Tatacara Pengurusan Aset Penyelidikan UMK bagi memberi kefahaman kepada semua penyelidik	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	3	Dijangka dilaksanakan September 2026	Perlu diselesaikan pada tahun 2026
12.	Menganjurkan sesi taklimat mengenai Polisi Harta Intelek dan Pengkomersialan	Bahagian Komersialan dan Harta Intelek, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	3	Dijangka dilaksanakan Oktober – Disember 2026	Perlu diselesaikan pada tahun 2026
13.	Mengadakan sesi taklimat/ program bual bicara mengenai Garis Panduan Penubuhan dan Pemantauan Syarikat Hiliran (Spin-off) dan Syarikat Terbitan (Start-up) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta Polisi Syarikat Hiliran (Spin-off) dan Syarikat Terbitan (Start-up) UMK bagi memberikan kefahaman kepada semua	Bahagian Komersialan dan Harta Intelek, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi	3	Dijangka dilaksanakan Oktober – Disember 2026	Perlu diselesaikan pada tahun 2026
14.	Menganjurkan sesi taklimat berkenaan Polisi Terhadap Plagiat UMK	Bahagian Penerbitan dan Penarafan, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi / Unit Integriti	3	Dijangka dilaksanakan September 2026	Perlu diselesaikan pada tahun 2026

15.	Menguatkuasakan kepatuhan pelajar terhadap Peraturan Akademik Universiti	Bahagian Pentadbiran Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	4	Dijangka dilaksanakan September 2026 (Semasa minggu 3M)	Perlu diselesaikan pada tahun 2026
16.	Membudayakan nilai integriti pelajar melalui penganjuran program integriti secara berkala	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Bahagian Pentadbiran Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) / Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor	4	Dijangka dilaksanakan September 2026 (Semasa minggu 3M)	Perlu diselesaikan pada tahun 2026
17.	Pemantauan prestasi ejen pelajar antarabangsa secara berkala oleh Jawatankuasa Penilaian, Pemilihan dan Pemantauan Ejen Pelajar Antarabangsa	Pusat Antarabangsa Universiti Malaysia Kelantan	4	Dikemaskini dalam OACP 2027 – 2030	Perlu diselesaikan pada tahun 2026

18.	Penerangan tatacara kewangan dan Arahan Perbendaharaan kepada pemimpin kelab dan persatuan pelajar	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Seksyen Prasiswazah dan Terimaan, Pejabat Bendahari	4	Dikemaskini dalam OACP 2027 - 2030	
19.	Taklimat AUKU, Perlembagaan UMK dan Peraturan-Peraturan UMK (Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) kepada Sekretariat Pemilihan MPP	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Pejabat Penasihat Undang-Undang	4	Dijangka dilaksanakan Oktober 2026	Perlu diselesaikan pada tahun 2026
20.	Menganjurkan kursus Integriti kepada Sekretariat Pemilihan MPP	Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) / Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor	4	Dijangka dilaksanakan Oktober 2026	Perlu diselesaikan pada tahun 2026

BAB 7
HALA TUJU STRATEGIK OACP UMK 2026–2030

KERANGKA OACP UMK 2026-2030

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH UMK 2026-2030				
VISI	Menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.			
MISI	UMK komited menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan berkualiti melalui pendekatan keusahawanan humanistik bagi melahirkan graduan holistik dan mendayaupaya masyarakat mampan.			
MATLAMAT	Memperkukuh tadbir urus, integriti dan pengurusan risiko rasuah bagi mewujudkan ekosistem universiti yang telus, berakauntabiliti, bebas rasuah serta menyampaikan perkhidmatan berkualiti dan berimpak tinggi.			
BIDANG KEUTAMAAN DAN OBJEKTIF STRATEGIK	1. Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan		Meningkatkan kecekapan tadbir urus dengan menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti.	
	2. Pengurusan Kewangan dan Pembangunan		Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan perolehan, kewangan serta pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur dan infostruktur.	
	3. Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan		Memperkukuh tadbir urus penyelidikan, perundingan, harta intelek, pengkomersialan dan penerbitan berteraskan prinsip integriti, akauntabiliti dan kecemerlangan.	
	4. Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar		Melahirkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti melalui pengukuhan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta pemantapan tadbir urus akademik dan hal ehwal pelajar.	
PELAN TINDAKAN	6 – Berterusan 2026	12 - 2027	7 – 2028 - 2029	0 - 2030

Kerangka OACP UMK 2026–2030 dibangunkan sebagai panduan strategik dalam memperkukuh tadbir urus, integriti dan usaha pencegahan rasuah dalam ekosistem universiti. Kerangka ini diselaraskan dengan visi dan misi UMK serta dirangka berdasarkan dapatan penilaian CRM, analisis persekitaran organisasi dan keperluan pemegang taruh bagi memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan bersifat strategik, berfokus dan berimpak tinggi.

Pelaksanaan OACP ini mendukung visi UMK, iaitu "Menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global." Selaras dengan aspirasi tersebut, misi UMK yang menekankan penyediaan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan berkualiti melalui pendekatan keusahawanan humanistik menjadi landasan utama dalam membentuk budaya kerja yang berintegriti, telus, berakauntabiliti dan bebas daripada sebarang bentuk rasuah serta salah guna kuasa.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, OACP UMK 2026–2030 digerakkan melalui 4 Bidang Keutamaan yang memfokuskan kepada kawasan berisiko tinggi serta fungsi utama universiti. Bidang Keutamaan tersebut adalah seperti berikut:

Bidang Keutamaan 1: Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan memberi penekanan kepada usaha meningkatkan kecekapan tadbir urus melalui pengukuhan sistem penyampaian perkhidmatan, kawalan dalaman, pematuhan terhadap peraturan serta pembangunan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti.

Bidang Keutamaan 2: Pengurusan Kewangan dan Pembangunan bertujuan memperkukuh ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan, perolehan serta pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur dan infostruktur. Penambahbaikan proses dan kawalan dalaman dalam bidang ini akan mengurangkan ruang dan peluang berlakunya rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan konflik kepentingan.

Bidang Keutamaan 3: Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan memberi fokus kepada pengukuhan tadbir urus dalam pengurusan penyelidikan, perundingan, harta intelek, pengkomersialan dan penerbitan supaya setiap proses dilaksanakan secara profesional, telus, beretika dan mematuhi prinsip integriti serta akauntabiliti.

Bidang Keutamaan 4: Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar menumpukan usaha memperkukuh tadbir urus akademik dan pengurusan hal ehwal pelajar bagi memastikan penyampaian pendidikan yang berkualiti, adil dan berintegriti. Bidang ini turut menyokong pembangunan graduan yang holistik, beretika serta mempunyai nilai integriti yang tinggi.

BAB 8
INISIATIF ATAU PELAN TINDAKAN OACP UMK 2026–2030

RINGKASAN KESELURUHAN INISIATIF/ PELAN TINDAKAN OACP UMK 2026-2030

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, sebanyak 25 inisiatif atau pelan tindakan telah dirangka untuk dilaksanakan sepanjang tempoh OACP UMK 2026–2030. Daripada jumlah tersebut, 6 pelan tindakan merupakan inisiatif berterusan yang telah dimulakan pada tahun 2026, 12 pelan tindakan akan dilaksanakan pada tahun 2027, manakala 7 pelan tindakan dijadualkan untuk tempoh 2028 hingga 2029. Tahun 2030 pula akan memberi tumpuan kepada pemantauan, penilaian keberkesanan pelaksanaan, pengukuran impak serta penyediaan cadangan penambahbaikan sebagai asas kepada pembangunan pelan antirasuah organisasi yang seterusnya.

Secara keseluruhannya, kerangka OACP UMK 2026–2030 memperlihatkan komitmen universiti dalam memperkukuh sistem tadbir urus, meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta membudayakan integriti sebagai nilai teras organisasi. Pelaksanaan yang konsisten terhadap setiap strategi dan pelan tindakan yang dirancang diyakini dapat mengurangkan risiko rasuah, memperkukuh keyakinan pemegang taruh serta menyokong pencapaian aspirasi UMK sebagai sebuah universiti yang cemerlang, berintegriti dan berdaya saing.

Jadual berikut merupakan ringkasan antara Bidang Keutamaan, Objektif Strategik dan Inisiatif atau Pelan Tindakan bagi OACP UMK 2026-2030.

Jadual 14: Ringkasan Bidang Keutamaan, Objektif Strategik dan Inisiatif

BIDANG KEUTAMAAN	OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF
Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	1	4
Pengurusan Kewangan dan Pembangunan	1	9
Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan	1	1
Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	1	11
JUMLAH	4	25

PENJAJARAN INISIATIF ATAU PELAN TINDAKAN, BIDANG KEUTAMAAN, IMPAK DAN TAHAP KERUMITAN

Petunjuk:

Bilangan: Bil.

Pusat Tanggungjawab Pelaksana: PTj Pelaksana

Dokumen Berkaitan: DB

Bidang Keutamaan: BK

Rendah: R

Tinggi: T

Tempoh Pelaksanaan: TP

Inisiatif 1 hingga 7

Bil.	Inisiatif/Pelan Tindakan	PTj Pelaksana	DB	BK	Impak		Tahap Kerumitan		TP
					R	T	R	T	
1.	Melaksanakan semakan audit dalaman tahunan ke atas sekurang-kurangnya 1 bahagian (Pejabat Bendahari) bagi memastikan pematuhan kepada prosedur dan kawalan yang ditetapkan.	Unit Audit Dalam	Rancangan Audit Tahunan (RAT)	2		✓		✓	Berterusan 2026 (1 x setahun)
2.	Memperkasakan jawatankuasa pemilih bagi tujuan simpanan pembaharuan dan pengeluaran simpanan tetap	Seksyen Perundingan dan Usahasama Strategik (Pej. Bendahari)	Maklumat dari Institusi Kewangan	2		✓		✓	Berterusan 2026
3.	Latihan dan taklimat integriti dan antirasuah /MPGIA/ khusus untuk Kumpulan bersasar	Seksyen Aset (Pej.Bendahari) / Bakat (Pej. Pendaftar)/ BPSM/ 3PI/JK Perolehan	Pekeliling Latihan / Perancangan Latihan Tahunan/ Pekeliling Bendahari	1 & 2		✓	✓		Jangka Pendek H2 2027

4.	Melaksanakan semakan tahunan ke atas semua perubahan gaji oleh Audit Dalam	Seksyen Emolumen/ Seksyen Saraan & Prestasi Sumber Manusia/ Unit Audit Dalam	Penyata perubahan gaji	1 & 2		✓		✓	Jangka Pertengahan (H1 2028)
5.	Program Berkala berkaitan penasihatan akademik	Pusat Pengurusan Akademik (PPA) (*Owner*)/Fakulti	Buku Panduan Penasihatan Akademik	4		✓	✓		Jangka Pendek (H1 2027)
6.	Taklimat Akademik berkala kepada pelajar dengan lebih kerap	PPA (*Owner*)/ Fakulti	Buku Peraturan Akademik (Prasiswazah & Pascasiswazah)	4		✓	✓		Berterusan 2026 (2 x setahun)
7.	Semakan prestasi ejen perekrutan pelajar antarabangsa	Pusat Antarabangsa UMK (UMKI)	Garis Panduan Pelaksanaan Pemilihan dan Pelantikan Ejen	4		✓		✓	Jangka Pertengahan (H3 2029)

Inisiatif 1 hingga 7 merupakan insiatif atau pelan tindakan yang dirangka bagi menyokong bidang keutamaan OACP UMK, khususnya dalam aspek pengukuhan tadbir urus, pemantapan kawalan dalaman, pemantauan dan penilaian berkala. Pelan tindakan ini memberi tumpuan kepada penambahbaikan proses pengurusan, pemerkasaan fungsi jawatankuasa serta pengawasan terhadap pihak yang terlibat dalam urusan strategik universiti. Antara tindakan yang dirancang termasuk pelaksanaan audit dalaman secara tahunan oleh Pejabat Bendahari, pemerkasaan fungsi Jawatankuasa Pemilih Simpanan Tetap serta semakan prestasi ejen antarabangsa. Pelaksanaan inisiatif ini dijadualkan secara berterusan dan berfasa mulai tahun 2026 hingga 2027, mengikut kesesuaian tindakan dan keperluan organisasi. Keseluruhannya, inisiatif ini mencerminkan pendekatan UMK dalam memastikan langkah pencegahan rasuah dilaksanakan secara sistematik, berjadual dan berterusan, serta diintegrasikan dalam amalan tadbir urus dan pengurusan universiti. Pendekatan ini turut menyokong usaha memperkukuh akauntabiliti, ketelusan dan keberkesanan kawalan dalaman dalam mengurangkan pendedahan terhadap risiko rasuah.

Inisiatif 8 hingga 13

Bil.	Inisiatif/Pelan Tindakan	PTj Pelaksana	DB	BK	Impak		Tahap Kerumitan		TP
					R	T	R	T	
8.	Membangunkan garis panduan pengurusan ejen perekrutan	UMKI	Garis Panduan Pelaksanaan Pemilihan dan Pelantikan Ejen/ Pekeliling *Integrity Pack*	4		✓		✓	Jangka Pertengahan (H1 2028)
9.	Menambahbaik garis panduan penyelidikan dan perundingan dengan menambah klausa rasuah	Pusat Penguruan Penyelidikan (RMC)	Garis Panduan Penyelidikan dan Perundingan	3		✓		✓	Jangka Pertengahan (H1 2028)
10.	Penyediaan Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Kompoun Pelajar	Pusat Residensi dan Hospitaliti Mahasiswa (PResMa)	Kaedah-Kaedah UMK (Tatatertib Pelajar) 2024/ Kod Etika dan Integriti Mahasiswa/ Peraturan Kolej Kediaman	4		✓	✓		Jangka Pertengahan (H1 2028)
11.	Laporan pelaksanaan dan pembatalan kompaun dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Pejabat TNC (HEPA)	PResMa	Kaedah-Kaedah UMK (Tatatertib Pelajar) 2024/ Kod Etika dan Integriti Mahasiswa/ Peraturan Kolej Kediaman	4		✓	✓		Jangka Pendek (H1 2027)

12.	Menubuhkan satu jawatankuasa khas yang meneliti dan meluluskan senarai penerima bantuan serta membentangkan secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan Pejabat TNC (HEPA)	Bahagian Kesejahteraan Mahasiswa (BKM)	UMK 30	4		✓	✓		Jangka Pemdek (H1 2027)
13.	Menambahbaik sistem maklumat pelajar bagi memastikan pelajar wajib mengisi pendapatan keluarga	BKM	UMK 30	4		✓	✓		Jangka Pendek (H1 2027)

Inisiatif 8 hingga 13 merupakan kumpulan pelan tindakan yang dirangka bagi menyokong bidang keutamaan OACP UMK, khususnya dalam aspek pemantapan kawalan, pengukuhan pematuhan, penambahbaikan dasar dan garis panduan serta pengurusan maklumat. Pelan tindakan ini memberi tumpuan kepada urusan yang melibatkan pihak luar, pengurusan geran, hal ehwal pelajar serta maklumat yang menjadi asas kepada proses penilaian dan pembuatan keputusan. Antara tindakan yang dirancang termasuk pembangunan garis panduan pengurusan ejen pada separuh pertama tahun 2028, penerapan klausa antirasuah dalam pengurusan geran penyelidikan, penambahbaikan pengurusan kompaun pelajar serta pengukuhan sistem maklumat pendapatan keluarga pelajar. Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan memastikan aspek pematuhan, dokumentasi dan pengurusan maklumat dapat dilaksanakan secara lebih teratur, telus dan berkesan. Keseluruhannya, inisiatif ini mencerminkan pendekatan UMK dalam memastikan kawalan pencegahan rasuah diperkukuh melalui penambahbaikan dasar, garis panduan, syarat pematuhan dan sistem pengurusan maklumat. Pendekatan ini turut menyokong usaha meningkatkan ketelusan, ketepatan maklumat dan akauntabiliti dalam proses pengurusan serta mengurangkan pendedahan terhadap risiko rasuah.

Inisiatif 14 hingga 17

Bil.	Inisiatif/Pelan Tindakan	PTj Pelaksana	DB	BK	Impak		Tahap Kerumitan		TP
					R	T	R	T	
14.	Pelaksanaan Program Kesedaran Berkaitan Kod Etika dan Integriti Mahasiswa.	BKM	Kod Etika dan Integriti Mahasiswa	4		✓		✓	Jangka Pertengahan (H1 2028)
15.	Pelaksanaan Program/ Kursus Pengurusan Kewangan Kepada Pengurusan Kelab/ Persatuan.	Pusat Kepimpinan dan Transformasi Mahasiswa (TransLead)	Peraturan Pengurusan Kewangan Pelajar oleh Majlis Perwakilan pelajar atau Kersatuan Mahasiswa dan Badan Pelajar	4		✓	✓		Jangka Pendek (H1 2027)
16.	Pelaksanaan Perkongsian Hasil Audit Kewangan Kepada Barisan Kepimpinan Baharu Kelab/ Persatuan.	TransLead	Peraturan Pengurusan Kewangan Pelajar oleh Majlis Perwakilan pelajar atau Kersatuan Mahasiswa dan Badan Pelajar	4		✓	✓		Jangka Pendek (H1 2027)
17.	Menjalankan audit pematuhan berkala terhadap pengurusan dokumen sulit dan proses pengambilan staf	Arkib UMK/Bahagian Keselamatan	Garis Panduan Pengurusan Rekod/ Garis Panduan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi	1		✓	✓		Berterusan 2026 (1 x setahun)

Inisiatif 14 hingga 17 merupakan kumpulan pelan tindakan yang dirangka bagi menyokong bidang keutamaan OACP UMK, khususnya dalam aspek pemerkasaan kesedaran, peningkatan kompetensi, pematuhan dan pengawasan. Pelan tindakan ini memberi tumpuan kepada pembudayaan integriti, peningkatan kefahaman warga universiti serta pengukuhan kawalan dalaman sebagai langkah pencegahan terhadap risiko rasuah. Antara tindakan yang dirancang termasuk pelaksanaan program kesedaran berkaitan kod etika mahasiswa, kursus pengurusan kewangan kelab serta

audit pematuhan terhadap pengurusan dokumen sulit dan proses pengambilan staf. Pelaksanaan inisiatif ini dijadualkan secara berterusan mulai tahun 2026 dan dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun, mengikut keperluan dan kesesuaian organisasi. Keseluruhannya, inisiatif ini mencerminkan pendekatan UMK dalam memastikan aspek kesedaran, pendidikan integriti, pematuhan dan pengawasan dilaksanakan secara sistematik, berjadual dan berterusan, serta diintegrasikan dalam amalan pengurusan universiti. Pendekatan ini turut menyokong usaha memperkukuh budaya kerja berintegriti dan keberkesanan kawalan dalaman dalam mengurangkan pendedahan terhadap risiko rasuah.

Inisiatif 18 hingga 23

Bil.	Inisiatif/Pelan Tindakan	PTj Pelaksana	DB	BK	Impak		Tahap Kerumitan		TP
					R	T	R	T	
18.	Melaksanakan peringatan berkala kepada staf Bahagian Pengurusan Sumber Manusia mengenai tanggungjawab pegawai di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Surat Aku Janji	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)	Garis Panduan Pengurusan Rekod/ Garis Panduan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi	1		✓	✓		Berterusan 2026 (1 x setahun)
19.	Melaksanakan penggiliran (*job rotation* 3PI) bagi pegawai yang menguruskan bidang kerja kepakaran sekurang-kurangnya 3-5 tahun.	BPSM	*Job Description*	2		✓	✓		Jangka Pendek H1 2027
20.	Penglibatan pakar atau rujuk silang (*Cross Check*) untuk penggunaan bahan	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI)		2		✓	✓		Berterusan 2026 (Bila ada keperluan)
21.	Melaksanakan audit pematuhan secara berkala ke atas proses penilaian tender / penilaian EOT / Penilaian VO	Unit Audit Dalam	Laporan Penilaian	2		✓	✓		Jangka Pendek H2 2027

22.	Menguatkuasakan Garis Panduan Pengurusan Lanjutan Masa Projek (E.O.T) *	3PI	Garis Panduan E.O.T	2		✓	✓		Jangka Pendek H1 2027
23.	Menguatkuasakan Garis Panduan Pengurusan Kawalan Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) projek*	3PI	Garis Panduan VO	2		✓	✓		Jangka Pendek H1 2027

Inisiatif 18 hingga 23 merupakan kumpulan pelan tindakan yang dirangka bagi menyokong bidang keutamaan OACP UMK, khususnya dalam aspek pengurusan maklumat, penggiliran tugas, pengukuhan kawalan teknikal dan pematuhan terhadap peraturan. Pelan tindakan ini memberi tumpuan kepada pengukuhan kawalan dalam proses pentadbiran dan teknikal bagi mengurangkan kebergantungan kepada individu tertentu, mengehadkan ruang manipulasi serta memperkukuh integriti dalam pelaksanaan tugas dan pembuatan keputusan. Antara tindakan yang dirancang termasuk peringatan secara berterusan berkaitan pematuhan Akta Rahsia Rasmi, pelaksanaan penggiliran kerja (*job rotation*) di 3PI setiap 3 hingga 5 tahun serta penguatkuasaan garis panduan berkaitan E.O.T dan KPK. Pelaksanaan inisiatif ini bertujuan memperkukuh mekanisme kawalan dan memastikan tugas serta tanggungjawab dilaksanakan secara telus, berakauntabiliti dan mematuhi ketetapan yang berkuat kuasa. Keseluruhannya, inisiatif ini mencerminkan pendekatan UMK dalam memastikan kawalan pencegahan rasuah diperkukuh melalui pengurusan maklumat yang berintegriti, penggiliran tugas, penguatkuasaan garis panduan dan pematuhan terhadap peraturan. Pendekatan ini turut menyokong usaha mengurangkan ruang penyalahgunaan kuasa, manipulasi proses dan kebergantungan kepada individu tertentu dalam pelaksanaan tugas serta urusan pentadbiran universiti.

ANALISIS KUADRAN

Jadual 15: Analisis Kuadran

BIDANG KEUTAMAAN	Jumlah Inisiatif	
	Kuadran A	Kuadran B
Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	3	1
Pengurusan Kewangan dan Pembangunan	6	3
Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan	0	1
Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	8	3
JUMLAH	17	8



Gambar rajah 5: Inisiatif dan Kuadran

Hasil dapatan daripada analisis kuadran menunjukkan sebanyak 17 inisiatif berada dalam kuadran A yang mewakili inisiatif yang berimpak tinggi, kompleksiti rendah yang perlu diberi keutamaan untuk dilaksanakan. Seterusnya sebanyak 8 inisiatif berada di kuadran B yang mewakili inisiatif yang mempunyai impak dan kompleksitinya tinggi. Insiatif di kuadran B ini lebih kompleks untuk dilaksanakan. Tiada inisiatif berada di kuadran C dan D. Kompleksiti sesuatu inisiatif bergantung kepada pelbagai faktor antaranya masa, tenaga dan kos bagi melaksanakan inisitaif tersebut.

BIDANG KEUTAMAAN 1 – PENGURUSAN TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Butiran inisitaif /pelan tindakan yang akan dilaksanakan mengikut tempoh sebagaimana butiran berikut:

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN				
Objektif Strategik: Meningkatkan kecekapan tadbir urus dengan menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti.				
BIL.	**RISIKO**	**INISIATIF**	**PELAKSANA**	**TEMPOH PELAKSANAAN**
1.	Rasuah dalam perolehan, tender, pemilihan vendor/ kontraktor	Latihan dan taklimat integriti dan antirasuah/ MPGIA khusus untuk kumpulan bersasar • Analisis Keperluan Latihan (Training Needs Analysis – TNA) – Mengenal pasti jawatan berisiko tinggi, kompetensi yang diperlukan dan menyediakan pelan latihan tahunan. • Penilaian Keberkesanan Latihan – Ujian pra/pasca Latihan, penilaian kompetensi, pemantauan perubahan tingkah laku dan pelaporan kepada Jawatankuasa Integriti	Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, Pejabat Pendaftar / Pejabat Bendahari (Seksyen Aset & Perolehan) / 3PI	Jangka Pendek H2 – Julai hingga Disember 2027
2.	Manipulasi keputusan kewangan, pelaburan dan data gaji	Melaksanakan semakan tahunan ke atas semua perubahan gaji oleh Audit Dalam • Menyemak semua rekod dan dokumen perubahan gaji bagi memastikan setiap perubahan mendapat kelulusan yang sah. • Mengambil tindakan pembetulan terhadap sebarang ketidakpatuhan yang ditemui serta memantau pelaksanaannya sehingga selesai.	Seksyen Saraan dan Prestasi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Pendaftar / Seksyen Emolumen, Pejabat Bendahari / Unit Audit Dalam	Jangka Pertengahan H1 – Januari hingga Jun 2028

3.	Rasuah, pilih kasih dan campur tangan dalam pengambilan/ pelantikan / pemilihan staf	Menjalankan audit pematuhan berkala terhadap pengurusan dokumen sulit dan proses pengambilan staf • Audit Pengurusan Dokumen Sulit – Semakan kawalan akses, pendaftaran dokumen, penyimpanan, pelupusan dan pematuhan Akta Rahsia Rasmi • Audit Proses Pengambilan Staf – Semakan pematuhan Standard Operation Procedure (SOP) pengambilan, pengisytiharan konflik kepentingan panel, semakan markah dan dokumentasi pemilihan.	Bahagian Keselamatan/ Arkib UMK	Berterusan 2026 (1 x setahun)
4.	Rasuah, pilih kasih dan campur tangan dalam pengambilan/ pelantikan / pemilihan staf	Melaksanakan peringatan berkala kepada staf Bahagian Pengurusan Sumber Manusia mengenai tanggungjawab pegawai di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Surat Aku Janji • Program Komunikasi Integriti Berkala – Edaran Pekeliling, e-mel peringatan, infografik dan sesi town hall setiap 6 bulan. • Pengesahan Aku Janji dan Pematuhan – Semua pegawai memperbaharui Aku Janji secara tahunan melalui HRMIS/Sistem HR serta rekod pematuhan disimpan.	BPSM, Pejabat Pendaftar	Berterusan 2026 (1 x setahun)

BIDANG KEUTAMAAN 2 – PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN

Butiran inisitaif /pelan tindakan yang akan dilaksanakan mengikut tempoh sebagaimana butiran berikut:

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN				
Objektif Strategik: Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan perolehan, kewangan serta pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur dan infostruktur.				
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.	Rasuah untuk mempercepatkan atau memudahkan urusan pentadbiran/ perkhidmatan	Melaksanakan semakan audit dalaman tahunan ke atas sekurang-kurangnya 1 bahagian (Pejabat Bendahari) bagi memastikan pematuhan kepada prosedur dan kawalan yang ditetapkan. • Menyediakan pelan audit tahunan berdasarkan Kawasan risiko. • Melaksanakan audit, menyedia laporan dan memantau tindakan pembetulan.	Unit Audit Dalam	Berterusan 2026 (1 x setahun)
2.	Manipulasi keputusan kewangan, pelaburan dan data gaji	Memperkasa jawatankuasa pemilih bagi tujuan simpanan pembaharuan dan pengeluaran simpanan tetap. • Menilai tawaran daripada semua institusi kewangan berdasarkan kriteria yang ditetapkan. • Membuat keputusan secara bersama dalam mesyuarat dan merekodkan justifikasi pemilihan.	Seksyen Perundingan dan Usahasama Strategik, Pejabat Bendahari	Berterusan 2026 (1 x setahun)

3.	Rasuah dalam perolehan, tender, pemilihan vendor/ kontraktor	Latihan dan taklimat integriti dan antirasuah/MPGIA khusus untuk kumpulan bersasar • Mengenal pasti pegawai yang perlu menghadiri latihan. • Melaksanakan latihan dan menilai tahap kefahaman peserta.	Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat, Pejabat Pendaftar / Pejabat Bendahari (Seksyen Aset & Perolehan) / 3PI	Jangka Pendek H2 – Julai hingga Disember 2027
4.	Manipulasi keputusan kewangan, pelaburan dan data gaji	Melaksanakan semakan tahunan ke atas semua perubahan gaji oleh Audit Dalam • Menyemak dokumen perubahan gaji bagi memastikan kelulusan dan rekod adalah lengkap. • Mengambil tindakan susulan terhadap sebarang ketidakpatuhan yang ditemui.	Seksyen Emolumen, Pejabat Bendahari / Seksyen Saraan dan Prestasi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Pendaftar/ Unit Audit Dalam	Jangka Pertengahan H1 – Januari hingga Jun 2028
5.	Rasuah yang menjejaskan kualiti projek, bahan binaan dan pematuhan tapak	Melaksanakan penggiliran (*job rotation* 3PI) bagi pegawai yang menguruskan bidang kerja kepakaran sekurang-kurangnya 3-5 tahun • Mengenal pasti pegawai yang telah berkhidmat melebihi tempoh yang ditetapkan. • Melaksanakan pertukaran tugas dan memantau keberkesanan pelaksanaanya.	BPSM, Pejabat Pendaftar	Jangka Pendek H1 – Januari hingga Jun 2027

6.	Rasuah yang menjejaskan kualiti projek, bahan binaan dan pematuhan tapak	Penglibatan pakar atau rujuk silang (*Cross Check*) untuk penggunaan bahan • Mendapatkan semakan teknikal daripada pakar atau pegawai lain sebelum kelulusan. • Merekodkan keputusan semakan dan melaksanakan penambahbaikan jika perlu.	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI)	Berterusan 2026 (1 x setahun)
7.	Rasuah untuk mempengaruhi spesifikasi produk, syor tender atau lanjutan masa kontrak	Melaksanakan audit pematuhan secara berkala ke atas proses penilaian tender/penilaian E.O.T/ penilaian V.O Menyemak proses penilaian tender, lanjutan masa (E.O.T) dan perubahan kerja (V.O). Menyediakan laporan audit serta memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan.	Unit Audit Dalam	Jangka Pendek H2 – Julai hingga Disember 2027
8.	Rasuah untuk mempengaruhi spesifikasi produk, syor tender atau lanjutan masa kontrak	Menguatkuasakan Garis Panduan Pengurusan Lanjutan Masa Projek (E.O.T) • Menilai permohonan lanjutan masa mengikut garis panduan yang ditetapkan. • Meluluskan dan merekod keputusan serta memantau pelaksanaan projek.	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI)	Jangka Pendek H1 – Januari hingga Jun 2027
9.	Rasuah yang menjejaskan kualiti projek, bahan binaan dan pematuhan tapak	Menguatkuasakan Garis Panduan Kawalan Kelulusan Perubahan Kerja (V.O) projek • Menilai setiap permohonan perubahan kerja berdasarkan keperluan sebenar dan dokumen sokongan. • Meluluskan perubahan kerja mengikut had kuasa dan memantau pelaksanaan sehingga selesai.	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI)	Jangka Pendek H1 – Januari hingga Jun 2027

BIDANG KEUTAMAAN 3 – PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Butiran inisitaif /pelan tindakan yang akan dilaksanakan mengikut tempoh sebagaimana butiran berikut:

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN				
Objektif Strategik: Memperkukuh tadbir urus penyelidikan, perundingan, harta intelek, pengkomersialan dan penerbitan berteraskan prinsip integriti, akauntabiliti dan kecemerlangan.				
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.	Tuntutan palsu dan penyalahgunaan dana geran/dana organisasi Salah guna kuasa dalam pemilihan penerima geran Rasuah, pilih kasih dan campur tangan dalam pengambilan/pelantikan / pemilihan staf	Menambahbaik garis panduan penyelidikan dan perundingan dengan menambah klausa rasuah. • Menyemak dan mengemaskini garis panduan penyelidikan dan perundingan dengan memasukkan klausa antirasuah serta konflik kepentingan - Garis Panduan Geran Dalaman/Geran Kebangsaan - Garis Panduan Pengurusan Aset Penyelidikan - Garis Panduan Pengurusan Geran Penyelidikan • Melaksanakan hebahan dan pemantauan bagi memastikan semua penyelidik dan pihak berkaitan mematuhi garis panduan yang telah dikemaskini.	Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)	Jangka Pertengahan H1 – Januari hingga Jun 2028

BIDANG KEUTAMAAN 4 – PENGURUSAN AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR

Butiran inisitaif /pelan tindakan yang akan dilaksanakan mengikut tempoh sebagaimana butiran berikut:

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR				
Objektif Strategik: Melahirkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti melalui pengukuhan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta pemantapan tadbir urus akademik dan hal ehwal pelajar.				
BIL.	RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.	Rasuah untuk mempercepatkan atau memudahkan urusan pentadbiran/ perkhidmatan	Program berkala berkaitan penasihatan akademik • Merancang dan melaksanakan program penasihatan akademik mengikut jadual yang ditetapkan. • Memantau pelaksanaan program dan mengambil tindakan penambahbaikan berdasarkan maklum balas.	Pusat Pengurusan Akademik (PPA)/ Fakulti	Jangka Pendek H1 – Januari hingga Jun 2027
2.	Rasuah untuk mempercepatkan atau memudahkan urusan pentadbiran/ perkhidmatan	Taklimat Akademik berkala kepada pelajar dengan lebih kerap • Menyediakan dan menyampaikan taklimat berkaitan peraturan serta proses akademik kepada pelajar. • Menilai kefahaman pelajar dan mengemaskini kandungan taklimat dari semasa ke semasa.	Pusat Pengurusan Akademik (PPA)/ Fakulti	Berterusan 2026 (2 x setahun)

3.	Pengaruh ejen luar dalam hak perekrutan pelajar	Semakan prestasi ejen perekrutan pelajar antarabangsa • Menilai prestasi ejen berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan syarat pelantikan. • Menyediakan laporan penilaian serta mengambil tindakan penambahbaikan atau penamatan jika perlu.	Pusat Antarabangsa UMK (UMKI)	Jangka Pertengahan H3 – Januari hingga Jun 2029
4.	Pengaruh ejen luar dalam hak perekrutan pelajar	Membangunkan Garis Panduan Pengurusan Ejen Perekrutan • Menyemak dan menyediakan garis panduan pengurusan ejen yang lengkap. • Melaksanakan hebahan dan memantau pematuhan terhadap garis panduan tersebut.	UMKI	Jangka Pertengahan H1 – Januari hingga Jun 2028
5.	Suapan atau salah guna kuasa untuk menghapus/ mengurangkan denda kompaun pelajar	Penyediaan Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Kompaun Pelajar • Menyediakan dan mengemaskini Garis Panduan Pengurusan Kompaun Pelajar. • Memastikan semua tindakan berkaitan kompaun dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan.	Pusat Residensi dan Hospitaliti Mahasiswa (PResMa)	Jangka Pertengahan H1 – Januari hingga Jun 2028

6.	Suapan atau salah guna kuasa untuk menghapus/ mengurangkan denda kompaun pelajar	Laporan pelaksanaan dan pembatalan kompaun dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNCHEPA) • Menyediakan laporan berkala mengenai pelaksanaan dan pembatalan kompaun. • Membentangkan laporan kepada Mesyuarat Pengurusan serta melaksanakan tindakan susulan yang dipersetjui.	PResMa	Jangka Pendek H1 – Januari hingga Jun 2027
7.	Salah guna kuasa dalam pemilihan penerima bantuan, geran atau faedah	Menubuhkan satu jawatankuasa khas yang meneliti dan meluluskan senarai penerima bantuan serta membentangkan secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan Pejabat TNCHEPA • Menilai permohonan bantuan berdasarkan syarat dan kriteria yang ditetapkan. • Meluluskan senarai penerima secara telus dan membentangkan keputusan kepada Mesyuarat Pengurusan.	Bahagian Kesejahteraan Mahasiswa (BKM)	Jangka Pendek H1 – Januari hingga Jun 2027
8.	Salah guna kuasa dalam pemilihan penerima bantuan, geran atau faedah	Menambahbaik sistem maklumat pelajar bagi memastikan pelajar wajib mengisi pendapatan keluarga • Mengemas kini sistem maklumat pelajar dengan maklumat pendapatan keluarga yang lengkap. • Menyemak dan mengesahkan maklumat sebelum digunakan dalam penilaian bantuan.	BKM	Jangka Pendek H1 – Januari hingga Jun 2027


9.	Salah guna kuasa dalam pengurusan kewangan kelab dan persatuan	Pelaksanaan program kesedaran berkaitan Kod Etika dan Integriti Mahasiswa • Merancang dan melaksanakan program kesedaran kepada mahasiswa secara berkala. • Menilai keberkesanan program dan meningkatkan kesedaran integriti dalam kalangan mahasiswa.	BKM	Jangka Pertengahan H1 – Januari hingga Jun 2028
10.	Salah guna kuasa dalam pengurusan kewangan kelab dan persatuan	Pelaksanaan program/kursus Pengurusan Kewangan kepada pengurusan kelab/persatuan • Memberi latihan mengenai tatacara pengurusan kewangan kepada pengurusan kelab dan persatuan. • Memantau pematuhan pengurusan kewangan serta memberi bimbingan jika terdapat kelemahan.	Pusat Kepimpinan dan Transformasi Mahasiswa (TransLead)	Jangka Pendek H1 – Januari hingga Jun 2027
11.	Salah guna kuasa dalam pengurusan kewangan kelab dan persatuan	Pelaksanaan perkongsian hasil audit kewangan kepada barisan kepimpinan baharu kelab dan persatuan • Membentangkan hasil audit kewangan kepada barisan kepimpinan baharu. • Memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan dapatan audit.	TransLead	Jangka Pendek H1 – Januari hingga Jun 2027

AGIHAN INISIATIF MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN OACP UMK 2026–2030

Daripada keseluruhan 25 inisiatif, agihan inisiatif mengikut bidang keutamaan adalah seperti jadual dan carta di bawah dan keutamaan OACP UMK 2026–2030 memberi tumpuan utama kepada Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar serta Pengurusan Kewangan dan Pembangunan merangkumi 80% daripada keseluruhan 25 inisiatif.

Jadual 16: Agihan Inisiatif Mengikut Bidang Keutamaan

Bidang Keutamaan	Bilangan Inisiatif	Peratus
Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	11	44%
Pengurusan Kewangan dan Pembangunan	9	36%
Pengurusan Tadbir Urus dan Penyampaian Perkhidmatan	4	16%
Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan	1	4%
Jumlah	25	100%



Carta 10: Agihan Inisiatif Mengikut Bidang Keutamaan


BAB 9
JANGKA MASA DAN KEUTAMAAN PELAKSANAAN

TEMPOH PELAKSANAAN INISIATIF/PELAN TINDAKAN

Keseluruhan inisiatif bagi 4 Bidang Keutamaan ialah sebanyak 25 inisiatif yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun bermula 2026 hingga 2030. Tempoh pelaksanaan merangkumi beberapa peringkat seperti petunjuk berikut:

	Berterusan bermula 2026 (1 x setahun)
	Jangka Pendek (2027) H1 – Januari hingga Jun 2027 H2 – Julai hingga Disember 2027
	Jangka Pertengahan (2028 – 2029) H1 – Januari hingga Jun 2028 H2 – Julai hingga Disember 2028 H3 – Januari hingga Jun 2029 H4 – Julai hingga Disember 2029
	Jangka Panjang (2030) H1 – Januari hingga Jun 2030 H2 – Julai hingga Disember 2030

Kategori	Bilangan Inisiatif	Peratus
Berterusan	6	24%
Jangka Pendek	12	48%
Jangka Pertengahan	7	28%
Jangka Panjang	0	0%
Jumlah	25	100%



Carta 11: Agihan Inisiatif Mengikut Jangka Masa

Hampir separuh daripada keseluruhan inisiatif OACP UMK 2026–2030 dirancang untuk dilaksanakan dalam jangka pendek iaitu pada tahun 2027. Keutamaan ini mencerminkan komitmen UMK untuk mempercepat pelaksanaan tindakan strategik pada fasa awal pelan. Ketiadaan inisiatif dalam kategori jangka panjang pula menunjukkan penekanan terhadap tindakan yang praktikal dan mempunyai tempoh pelaksanaan yang jelas, sekali gus membolehkan pemantauan, penilaian dan penambahbaikan dilaksanakan secara berkala.

BAB 10
INDIKATOR KEBERKESANAN DAN SASARAN

INDIKATOR KEBERKESANAN PELAKSANAAN OACP UMK

Indikator keberhasilan merupakan petunjuk yang digunakan untuk mengukur pencapaian dan keberkesanan pelaksanaan setiap inisiatif dalam OACP UMK 2026-2030. Penyediaan indikator amat penting kerana ia membolehkan universiti menilai impak setiap inisiatif secara lebih objektif, seterusnya membantu proses pemantauan dan penambahbaikan berterusan.

Secara umum, indikator yang dibangunkan dikaitkan dengan 4 objektif strategik utama OACP UMK dan berfungsi sebagai ukuran terhadap pencapaian tindakan yang dilaksanakan oleh PTj yang berkaitan. Bahagian ini menunjukkan bahawa UMK memberi penekanan bukan sahaja kepada pelaksanaan aktiviti, tetapi juga kepada pengukuran hasil dan keberkesanannya.

PETUNJUK DAN SASARAN INDIKATOR

Bil.	Indikator	Sasaran
1.	Program latihan / taklimat integriti	Sekurang-kurangnya 2 program setahun
2.	Keberkesanan program latihan integriti	80%
3.	Semakan prestasi ejen pelajar antarabangsa	100% ejen disemak
4.	Semakan perubahan gaji	5% daripada bilangan staf disemak setiap tahun
5.	Kebocoran maklumat dalam proses perjawatan	Sifar (0) kes
6.	Kehadiran latihan integriti / perolehan bagi staf teknikal	100% dalam tempoh 3 tahun
7.	Tempoh job rotation bagi pegawai teknikal / kepakaran	3 hingga 5 tahun
8.	Sasaran staf teknikal yang terlibat dalam *job rotation*	10%

Secara keseluruhannya, indikator yang ditetapkan mencerminkan usaha UMK untuk memastikan pelaksanaan OACP dapat diukur secara objektif, dipantau secara sistematik dan dinilai berdasarkan pencapaian yang disasarkan, selaras dengan bidang keutamaan serta inisiatif strategik yang telah dikenal pasti.



Gambar rajah 6: Indikator Keberkesanan dan Sasaran

PENILAIAN IMPAK DAN KERUMITAN PELAKSANAAN

Penilaian impak dan kerumitan merupakan komponen penting dalam menentukan keutamaan pelaksanaan inisiatif OACP UMK 2026–2030. Penilaian ini mengambil kira dua dimensi utama, iaitu tahap impak sesuatu inisiatif terhadap organisasi serta tahap kerumitan dalam melaksanakan tindakan yang dirancang.

Melalui pendekatan ini, UMK dapat mengenal pasti inisiatif yang berpotensi memberikan impak yang tinggi dengan tahap kerumitan pelaksanaan yang rendah atau tinggi, di samping mengenal pasti inisiatif yang memerlukan sumber, koordinasi antara PTj, perubahan proses atau pengukuhan mekanisme sedia ada. Penilaian tersebut membantu memastikan sumber dan usaha organisasi dapat disalurkan kepada inisiatif yang paling strategik dan berkeutamaan.

Secara keseluruhannya, penilaian impak dan kerumitan menjadi salah satu asas dalam menentukan keutamaan, menyusun pelaksanaan serta merancang pemantauan dan pelaporan OACP secara lebih sistematik bagi memastikan setiap inisiatif dapat dilaksanakan secara berkesan dan menyumbang kepada pencapaian matlamat pelan.



Gambar rajah 7: Impak dan Kerumitan Pelan Tindakan



BAB 11
MEKANISME PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

STRUKTUR PEMANTAUAN OACP UMK



Gambar rajah 8: Struktur Pemantauan OACP UMK

Pelaksanaan OACP UMK 2026–2030 disokong oleh mekanisme pelaporan dan pemantauan yang sistematik melalui saluran dalaman dan luaran. Di peringkat dalaman, maklumat berkaitan kemajuan pelaksanaan inisiatif diselaras oleh Unit Integriti dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Tatakelola Universiti (JTKU) serta Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) untuk tujuan pemantauan, penilaian, penyelarasan serta pengemukaan cadangan penambahbaikan.

Pelaporan kemajuan pelaksanaan OACP dilaksanakan sebanyak 3 kali setahun bagi memastikan status pencapaian setiap inisiatif dapat dipantau secara berkala dan tindakan susulan dapat diambil terhadap inisiatif yang memerlukan perhatian. Selain pelaporan di peringkat dalaman, UMK turut mengemukakan laporan pelaksanaan OACP kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan SPRM mengikut ketetapan dan keperluan pelaporan yang berkuat kuasa.

Mekanisme pelaporan ini memperkukuh akauntabiliti, ketelusan dan pemantauan berterusan dalam pelaksanaan OACP, di samping memastikan kemajuan inisiatif dapat dinilai secara berkala serta tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan secara responsif dan berkesan.

PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN OACP UMK

Bagi memastikan OACP UMK dilaksanakan dengan berkesan, UMK hendaklah:

a) Memastikan UI UMK memantau, menilai dan melapor pencapaian Pelan Antirasuah UMK;
b) Memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan;
c) Melaksanakan koordinasi dan keterlibatan bersama PTj bagi memastikan pelan tindakan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan;
d) Memastikan pematuhan setiap pelan tindakan oleh warga UMK; dan
e) Memastikan laporan pencapaian pelaksanaan OACP UMK dibentangkan dalam Mesyuarat JTKU untuk pertimbangan dan keputusan.

FORMAT PELAPORAN OACP UMK 2026 - 2030

Contoh:

Pusat Tanggungjawab	:	Pusat Pengurusan Penyelidikan
Bidang Keutamaan	:	Pengurusan Penyelidikan dan Penerbitan
Objektif Strategik	:	Memperkukuh tadbir urus penyelidikan, perundingan, harta intelek, pengkomersialan dan penerbitan berteraskan prinsip integriti, akauntabiliti dan kecemerlangan.
Inisiatif	:	Menambahbaik garis panduan penyelidikan dan perundingan dengan menambah klausa rasuah.
Tarikh Laporan	:	

BIL.	Program/Aktiviti/Tindakan	Kumpulan Sasaran	Pelaksanaan /Status	Tarikh Pelaksanaan	Catatan



BAB 12
PENUTUP

Pelan Antirasuah Universiti Malaysia Kelantan (OACP UMK) 2026–2030 merupakan manifestasi komitmen berterusan universiti dalam memperkukuh integriti, tadbir urus dan pencegahan rasuah dalam seluruh ekosistem pengurusan dan penyampaian perkhidmatan universiti. Pelan ini bukan sekadar dokumen perancangan, tetapi menjadi panduan strategik yang perlu diterjemahkan melalui tindakan yang berkesan, konsisten dan berimpak.

Keberkesanan pelaksanaan OACP merupakan tanggungjawab bersama seluruh warga UMK. Setiap PTj yang dipertanggungjawabkan terhadap sesuatu inisiatif hendaklah mengambil pemilikan dan tanggungjawab sepenuhnya terhadap pelaksanaan, pencapaian sasaran serta pelaporan kemajuan inisiatif masing-masing. Pemilikan di peringkat PTj amat penting bagi memastikan setiap inisiatif tidak hanya dilaksanakan sebagai satu keperluan pelan, tetapi benar-benar diintegrasikan dalam proses kerja dan amalan pengurusan harian.

Dalam masa yang sama, pemantauan secara berkala dan sistematik perlu terus diperkukuh bagi memastikan pelaksanaan setiap inisiatif berada pada landasan yang ditetapkan. Sebarang isu, kekangan atau ketidakcapaian hendaklah dikenal pasti lebih awal supaya tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan segera.

Akhirnya, keberhasilan OACP UMK 2026–2030 tidak bergantung kepada kewujudan pelan semata-mata, tetapi kepada sejauh mana pelan ini diterjemahkan kepada pelaksanaan yang nyata dan menghasilkan perubahan. Kejayaan pelan ini memerlukan komitmen kepimpinan, penglibatan seluruh warga UMK, pemilikan yang jelas oleh PTj serta budaya pemantauan dan penambahbaikan yang berterusan.

Dengan komitmen dan kerjasama seluruh warga universiti, OACP UMK 2026–2030 diharapkan dapat menjadi instrumen yang berkesan dalam membudayakan integriti, memperkukuh tadbir urus dan meningkatkan kepercayaan terhadap UMK sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang berintegriti, telus dan bertanggungjawab.



PENGHARGAAN

SENARAI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

JAWATAN	BIDANG KEUTAMAAN	NAMA	AHLI
PENASIHAT		YBhg. Dato' Prof. Ir. Ts. Dr. Arham bin Abdullah Naib Canselor	
PENGERUSI JK		YBrs. Prof. Dr. Huzili bin Hussin Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)	
KETUA BIDANG	PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN	YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohammad bin Ismail Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	• YM. Raja Azlan bin Raja Ismail • Encik Mohd Badrul Hisyam bin Muhamad Alias • Encik Mohd Tarmizi bin Mohd Yusoff • Encik Mohd Khir Amin bin Zakarya • Encik Mohd Adli bin Ismail • Puan Siti Hajar binti Hassan • Puan Siti Norhidayah binti Mat Hussin • Cik Azhana binti Hadi
	PENGURUSAN AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR	YBrs. Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)	• Prof. Madya Dr. Derweanna binti Bah Simpong • Puan Marwanna binti Kadir • Cik Rosmawati binti Che Hassan

	PENGURUSAN TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	YBrs. Encik Khairul Eruwan bin Abdul Halim Pendaftar	• Encik Mohd Norazam bin Nurdin • Puan Lidyawati Husniza binti Mohd Zahari • Encik Mohd Zamri bin Ismail • Puan Salmi Syazwani binti Ab Kadir
	PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN	YBrs. Encik Ahmad Irwan bin Baharuddin Bendahari	• Ir. Mohd Rudzuan bin Ariffin • Puan Wan Noor Azimah binti Wan Muhammad • Sr. Mohd Idzuan bin Abdul Hamid • Ir. Mohd Shafik bin Mat Darabi • Encik Mohd Hazran bin Mahamad • Encik Hendra bin Afrizal • Encik Mohd Maznur Muttaqin bin Mohd Mazinun • Encik Khairol Amry bin Nodin
URUSETIA		Puan Adni binti Abu Hassan Sha'ari Timbalan Pendaftar	• Puan Mar'ieyah binti Muhammad • Puan Salmiza binti Abdul Wahab

SENARAI NAMA SINGKATAN

3PI	–	Pusat Pembangunan & Pengurusan Infrastruktur
Bakat	–	Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Bakat
BKM	–	Bahagian Kesejahteraan Mahasiswa
BPSM	–	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
CPI	–	Corruption Perceptions Index/ Indeks Persepsi Rasuah
CRM	–	Corruption Risk Management/Pengurusan Risiko Rasuah
ICT	–	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
JPU	–	Jawatankuasa Pengurusan Universiti
JTKU	–	Jawatankuasa Tatakelola Universiti
KPT	–	Kementerian Pendidikan Tinggi
LPU	–	Lembaga Pengarah Universiti
NACP	–	Pelan Antirasuah Nasional
NACS	–	National Anti-Corruption Strategy/ Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional
OACP UMK	–	Pelan Antirasuah Universiti Malaysia Kelantan
Pejabat TNC (A&A)	–	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Pejabat TNC (HEPA)	–	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pejabat TNC (P&I)	–	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
PPA	–	Pusat Pengurusan Akademik
PResMa	–	Pusat Residensi dan Hospitaliti Mahasiswa
PTj	–	Pusat Tanggungjawab
RAT	–	Rancangan Audit Tahunan
RMC	–	Pusat Penguruan Penyelidikan
RMK Ke-9	–	Rancangan Malaysia Ke-9
SPRM	–	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TransLead	–	Pusat Kepimpinan dan Transformasi Mahasiswa
UI	–	Unit Integriti
UMK	–	Universiti Malaysia Kelantan
UMK 30	–	Pelan Strategik UMK
UMKI	–	Pusat Antarabangsa UMK

SENARAI JADUAL, CARTA DAN GAMBAR RAJAH

JADUAL

Jadual 1: CPI Malaysia Tahun 2021 hingga 2025
Jadual 2: Penjajaran OACP UMK 2026-2030 dan NACS 2024-2028
Jadual 3: Statistik Berhubung Rasuah bagi Tahun 2021-2025
Jadual 4: Statistik Sabitan Mengikut Pecahan Kesalahan bagi Tahun 2021-2025
Jadual 5: Statistik Berhubung Rasuah Melibatkan UMK bagi Tahun 2021-2025
Jadual 6: Statistik Sabitan Mengikut Pecahan Kesalahan Melibatkan UMK bagi Tahun 2021-2025
Jadual 7: Maklumat Berhubung Kes Tatatertib UMK bagi Tahun 2021-2025
Jadual 8: Kategori Aduan Integriti UMK bagi Tahun 2021-2025
Jadual 9: Profil Risiko Rasuah UMK
Jadual 10: Daftar Risiko Rasuah UMK
Jadual 11: 10 Risiko Rasuah Tertinggi UMK
Jadual 12: Matrik Risiko Rasuah 5 x 5 dan Pemetaan bagi 10 Risiko Tertinggi UMK
Jadual 13: Status Semakan OACP UMK 2022-2026 (Dalam Tindakan)
Jadual 14: Ringkasan Bidang Keutamaan, Objektif Strategik dan Inisiatif
Jadual 15: Analisis Kuadran
Jadual 16: Agihan Inisiatif Mengikut Bidang Keutamaan

CARTA

Carta 1: Trend CPI Malaysia Tahun 2021 hingga 2025
Carta 2: Trend Berhubung Rasuah bagi Tahun 2021-2025
Carta 3: Trend Sabitan Mengikut Pecahan Kesalahan bagi Tahun 2021-2025
Carta 4: Statistik Berhubung Rasuah Melibatkan UMK bagi Tahun 2021-2025
Carta 5: Trend Sabitan Mengikut Pecahan Kesalahan Melibatkan UMK bagi Tahun 2021-2025
Carta 6: Maklumat Berhubung Kes Tatatertib UMK bagi Tahun 2021-2025
Carta 7: Trend Kes Tatatertib UMK bagi Tahun 2021-2025
Carta 8: Statistik Aduan Integriti UMK bagi Tahun 2021-2025
Carta 9: Trend Aduan Integriti UMK bagi Tahun 2021-2025
Carta 10: Agihan Inisiatif Mengikut Bidang Keutamaan
Carta 11: Agihan Inisiatif Mengikut Jangka Masa

GAMBAR RAJAH

Gambar rajah 1: 7 Langkah Pelaksanaan OACP
Gambar rajah 2: Garis Masa Pembangunan OACP UMK 2026-2030
Gambar rajah 3: Sumber Analisis Data
Gambar rajah 4: Rumusan 10 Risiko Rasuah Tertinggi bagi 6 PTj
Gambar rajah 5: Inisiatif dan Kuadran
Gambar rajah 6: Indikator Keberkesanan dan Sasaran
Gambar rajah 7: Impak dan Kerumitan Pelan Tindakan
Gambar rajah 8: Struktur Pemantauan OACP UMK

PELAN ANTIRASUAH

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

2026-2030



PELAN ANTIRASUAH

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

2026-2030

eISBN 978-629-7867-10-6

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI *ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST*

OfficialUMK